Kementerian Pendidikan Malaysia

# Buku Panduan Kelestarian Global



**Kementerian Pendidikan Malaysia**

# PANDUAN PELAKSANAAN KELESTARIAN GLOBAL

Edaran Terhad

Bahagian Pembangunan Kurikulum
2016

Terbitan  2016
© Kementerian Pendidikan Malaysia
Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam sebarang bentuk dan dengan cara apa-apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya, MALAYSIA.

ISBN 976-967-420-XXX-X

PDP/ CIP

Terbitan oleh
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8, Blok E9,
Kompleks Kerajaan Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

# KANDUNGAN


RUKUNEGARA ..... v

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN ..... vi

1.0 PENGENALAN ..... 1

2.0 LATAR BELAKANG ..... 1

3.0 PENGERTIAN KELESTARIAN GLOBAL ..... 2

4.0 MATLAMAT DAN OBJEKTIF ..... 2

5.0 KANDUNGAN DALAM KELESTARIAN GLOBAL ..... 3

5.1 Penggunaan dan Pengeluaran Lestari ..... 3

5.2 Kewarganegaraan Global ..... 9

5.3 Perpaduan ..... 11

6.0 PENYEPADUAN ELEMEN KELESTARIAN GLOBAL DALAM MATA PELAJARAN 15

6.1 Pendekatan Langsung ..... 16

6.2 Pendekatan Sisipan ..... 16

7.0 PENUTUP ..... 17

CONTOH AKTIVITI PENDEKATAN LANGSUNG UNTUK SEKOLAH RENDAH ..... 19

PENDIDIKAN JASMANI DAN PENDIDIKAN KESIHATAN ..... 21

PENDIDIKAN MORAL ..... 23

CONTOH AKTIVITI PENDEKATAN SISIPAN UNTUK SEKOLAH RENDAH ..... 27

BAHASA INGGERIS ..... 29

SEJARAH ..... 33

PENDIDIKAN KESENIAN ..... 37

PENDIDIKAN MORAL ..... 51

CONTOH AKTIVITI PENDEKATAN LANGSUNG UNTUK SEKOLAH MENENGAH ..... 55

SAINS ..... 57

GEOGRAFI ..... 65

SEJARAH ..... 67

PENDIDIKAN MORAL ..... 71

CONTOH AKTIVITI PENDEKATAN SISIPAN SEKOLAH MENENGAH ..... 77

MATEMATIK ..... 79

GEOGRAFI ..... 83

SEJARAH ........ 87
PEMETAAN........ 101
Pemetaan Kelestarian Global Sekolah Rendah Tahun 1 (Pendekatan Langsung) ........ 102
Pemetaan Kelestarian Global Sekolah Rendah Tahun 1 (Pendekatan Sisipan) ........ 103
Pemetaan Kelestarian Global Sekolah Menengah Tingkatan 1 (Pendekatan Langsung) ........ 104
Pemetaan Kelestarian Global Sekolah Menengah Tingkatan 1 (Pendekatan Sisipan) ........ 105
RUJUKAN........ 106
PANEL PENYUMBANG ........ 107

# RUKUNEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak;
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi Kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara."

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

## 1.0 PENGENALAN

Selaras dengan perkembangan dunia yang bergerak pantas dan semakin mencabar, bidang pendidikan perlu peka terhadap perubahan dan isu semasa dalam senario dunia tanpa sempadan. Kesedaran tentang Kelestarian Global daripada aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar perlu ditingkatkan agar murid berupaya mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan untuk menjadi *global player* yang berkesan.

Selaras dengan itu, pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan kelestarian global perlu dipertingkat dan diperkukuhkan melalui elemen dalam Kelestarian Global. Kelestarian Global yang terkandung dalam panduan ini terdiri daripada elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan. Setiap elemen dibangunkan berdasarkan konsep, tema atau kemahiran yang relevan dengan keperluan semasa untuk menghadapi cabaran Abad Ke-21. Ketiga-tiga elemen dalam Kelestarian Global hendaklah dilaksanakan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran (p&p) serta kokurikulum.

## 2.0 LATAR BELAKANG

Pada 25 September 2015, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah melancarkan tujuh belas matlamat global *(Global Goals)* yang dikenali sebagai *Sustainable Development Goals* (SDGs) di New York, Amerika Syarikat. SDGs bertujuan membasmi kemiskinan, memelihara bumi dan memastikan kesejahteraan sejagat dinikmati oleh semua. Satu daripada tujuh belas matlamat global yang disenaraikan iaitu *Sustainable Development Goal 4* (SDG 4): *Ensure Inclusive and Equitable Quality Education and Promote Lifelong Learning Opportunities for All* merupakan matlamat global yang berfokus kepada pendidikan. SDG4 juga dikenali sebagai *Education 2030* merupakan agenda pendidikan baharu menggantikan *Education for All Goals*.

Kandungan Pelan PPPM 2013-2025 adalah selari dengan deklarasi SDG 4 dan hasrat kurikulum kebangsaan bagi memastikan generasi akan datang dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar secara lestari.

## 3.0 PENGERTIAN KELESTARIAN GLOBAL

Kelestarian secara umumnya membawa maksud pengekalan sesuatu perkara atau keadaan (UNESCO, 2015; Kamus Dewan, 2013). Kelestarian boleh dikaitkan dengan usaha untuk mengekalkan dan memelihara keaslian dari aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar yang perlu diwarisi pada masa hadapan (Kamus Dewan, 2013). Dalam konteks yang lebih luas kelestarian merangkumi pengekalan dan juga penambahbaikan keadaan sedia ada.

Global membawa makna dunia sejagat dan juga merujuk kepada sesuatu yang luas serta tidak terbatas kepada sesuatu perkara (Kamus Dewan, 2013). Dalam konteks tanpa sempadan, global merangkumi aspek sosial, budaya, ekonomi dan politik (UNESCO, 2015).

Kelestarian Global bermaksud pengekalan dan penambahbaikan sesuatu perkara untuk memelihara keaslian daripada aspek sosial dan alam sekitar serta ekonomi ideal yang perlu diwarisi bagi menjamin kesinambungan warisan untuk kesejahteraan dan keharmonian generasi masa kini dan masa hadapan dalam konteks persekitaran komuniti, negara dan global.

## 4.0 MATLAMAT DAN OBJEKTIF

Kelestarian Global bermatlamat untuk melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.

Objektif Kelestarian Global membolehkan murid:

i. Memahami konsep dan perspektif Kelestarian Global.
ii. Memperoleh pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan Kelestarian Global.
iii. Mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan Kelestarian Global dalam kehidupan harian.
iv. Meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan secara bijaksana melalui pengalaman pembelajaran berkaitan Kelestarian Global.
v. Meningkatkan kesedaran dan penghayatan tentang kepentingan Kelestarian Global dalam kehidupan.
vi. Menghayati dan menghargai nilai-nilai murni sejagat.

## 5.0 KANDUNGAN DALAM KELESTARIAN GLOBAL

Perspektif Kelestarian Global yang ditekankan dalam panduan ini merangkumi elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan. Berikut adalah huraian elemen-elemen dalam Kelestarian Global.

### 5.1 Penggunaan dan Pengeluaran Lestari

Dunia hari ini sedang menghadapi pelbagai krisis berkaitan pembangunan dan alam sekitar yang memberi kesan kepada kehidupan manusia. Pertambahan penduduk dunia menyebabkan sumber semula jadi semakin rancak diteroka bagi memenuhi keperluan pengguna tanpa menghiraukan bekalannya yang semakin berkurangan. Oleh itu, corak penggunaan dan pengeluaran perlu efisien bagi memastikan sumber semula jadi yang ada dapat memenuhi keperluan generasi masa kini dan akan datang. Dalam hal ini, penggunaan dan pengeluaran secara lestari sangat penting kerana selain dapat memenuhi keperluan manusia dari segi barangan dan perkhidmatan, ia juga dapat memastikan penggunaan sumber semula jadi secara berhemah. Pendidikan Penggunaan dan Pengeluaran Lestari

membolehkan individu membuat pilihan dalam kehidupan seharian secara bijaksana untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan dengan penggunaan sumber semula jadi secara minimum. Pendidikan Penggunaan dan Pengeluaran Lestari juga dapat memberi kesedaran kepada murid supaya lebih bertanggungjawab kepada sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari mengandungi lapan tema. Setiap tema mengandungi beberapa bidang pembelajaran. Jadual 1 menunjukkan elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari.

**Jadual 1: Kandungan Penggunaan dan Pengeluaran Lestari**

| Bil. | Tema | Bidang Pembelajaran |
|---|---|---|
| 1. | **Penggunaan dan Pengeluaran Secara Lestari** | **Kita semua adalah pengguna**<br>• Peranan pengguna<br>• Pengguna yang bermaklumat |
| | | **Hubungkait Penggunaan dengan Pengeluaran**<br>• Nilai pada kitaran penggunaan dan pengeluaran secara konvensional |
| | | **Kesan pengguna dan pengeluar kepada masyarakat, ekonomi dan alam sekitar**<br>• Pertumbuhan ekonomi<br>• Jejak ekologi<br>• Perubahan iklim<br>• Ekuiti sosial |
| | | **Konsep Penggunaan dan Pengeluaran Lestari**<br>• Prinsip asas penggunaan dan pengeluaran lestari: 3 tunjang pembangunan lestari<br>• Penggunaan hijau: konsep *cradle-to- cradle*<br>• Dimensi sosial pengeluaran lestari: keselamatan makanan, perdagangan saksama (*fair trade)*<br>• Inovasi dalam penggunaan lestari |
| | | **Penggunaan dan Pengeluaran Lestari dalam konteks kehidupan harian**<br>• Mengaplikasi *life cycle thinking.*(contoh: berfikir sebelum buang dan amalan 5R) |
| *2.* | **Penggunaan Tenaga Lestari** | **Kepentingan tenaga dalam kehidupan**<br>• Tenaga sebagai sumber kehidupan<br>• Kegunaan tenaga |
| | | **Kesan penggunaan tenaga terhadap masyarakat, ekonomi dan alam sekitar**<br>• Ekonomi dan tenaga<br>• Kesan penggunaan tenaga terhadap masyarakat, ekonomi dan alam sekitar |
| | | **Amalan penjimatan tenaga dalam kehidupan seharian**<br>• Penjimatan tenaga<br>• Penggunaan tenaga secara berkesan. Tenaga yang boleh diperbaharui<br>• Audit tenaga |

| Bil. | Tema | Bidang Pembelajaran |
|---|---|---|
| | | **Mempraktikan penjimatan tenaga dalam kehidupan harian**<br>• Mempraktikkan penjimatan dalam penggunaan tenaga dalam aktiviti kehidupan<br>• Undang-undang dan polisi berkaitan penggunaan dan pengeluaran |
| **3.** | **Penggunaan Air Secara Lestari** | **Air sebagai keperluan asas**<br>• Air sebagai keperluan utama hidupan |
| | | **Kesan penggunaan air terhadap masyarakat, ekonomi dan alam sekitar**<br>• Mengakses air minuman yang selamat<br>• Kesan pencemaran air terhadap kesihatan dan alam sekitar |
| | | **Amalan penjimatan air dalam kehidupan seharian**<br>• Membaca meter air<br>• Audit air<br>• Penggunaan air secara efisien |
| **4.** | **Sisa** | **Sisa sebagai sumber**<br>• Sisa adalah hasil sampingan daripada penggunaan<br>• Pendekatan 5R untuk mengatasi sisa<br>• Sisa sebagai sumber |
| | | **Kesan sisa kepada masyarakat, ekonomi dan alam sekitar**<br>• Kesihatan dan kualiti kehidupan<br>• Tapak pelupusan<br>• Pembuangan sisa |
| | | **Menjejak sisa**<br>• Kitaran pengeluaran kitaran *cradle-to-grave*<br>• Kitaran pengeluaran *cradle-to-cradle* |
| | | **Pengurusan sisa**<br>• Sistem pengurusan sisa di Malaysia<br>• Dendaan kepada pencemar (*Polluter pays principle)* |
| | | **Amalan 5R dalam kehidupan**<br>• Mengamalkan 5R dalam kehidupan<br>• Kaedah pembungkusan secara lestari |

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Tema</th><th>Bidang Pembelajaran</th></tr>
<tr><td rowspan="4">5.</td><td rowspan="4">Pengeluaran dan Penggunaan Makanan Secara Lestari</td><td>Makanan sebagai keperluan asas<br>• Piramid makanan</td></tr>
<tr><td>Kesan pengeluaran dan penggunaan makanan terhadap masyarakat, ekonomi dan alam sekitar<br>• Kesan kepada persekitaran<br>• Kesan kepada perubahan iklim</td></tr>
<tr><td>Pengeluaran makanan secara lestari<br>• Amalan pertanian lestari<br>• Amalan pertanian bukan lestari</td></tr>
<tr><td>Penggunaan makanan secara lestari<br>• Memilih makanan yang lestari<br>• Mengenal pasti label alam sekitar (eco-labels)</td></tr>
<tr><td rowspan="4">6.</td><td rowspan="4">Pengangkutan dan Pergerakan Lestari</td><td>Kepentingan pengangkutan dan pergerakan<br>• Pengangkutan perlu untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan yang diperlukan<br>• Jenis pengangkutan dan laluan hubungan</td></tr>
<tr><td>Kesan pengangkutan terhadap masyarakat, ekonomi dan alam sekitar<br>• Kesan kesesakan lalu lintas kepada kualiti kehidupan<br>• Kesan pencemaran kenderaan bermotor terhadap kesihatan</td></tr>
<tr><td>Pengangkutan yang mesra alam<br>• Kenderaan menggunakan tenaga secara efisien – enjin mesra alam (green engine)<br>• Penyelenggaraan kenderaan secara berkala</td></tr>
<tr><td>Amalan pengangkutan dan perjalanan lestari<br>• Memilih pengangkutan yang memberi kesan yang minimum kepada alam sekitar<br>• Menggunakan pelbagai cara untuk bergerak ke sesuatu tempat<br>• Merancang perjalanan<br>• Mengaudit perjalanan</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>Bangunan dan kediaman Lestari</td><td>Bangunan dan kediaman<br>• Keperluan asas kediaman<br>• Ciri-ciri bangunan dan kediaman</td></tr>
</table>

| Bil. | Tema | Bidang Pembelajaran |
|---|---|---|
| | | **Kesan bangunan dan kediaman terhadap masyarakat, ekonomi dan alam sekitar**<br>• Kesan proses pembinaan terhadap alam sekitar<br>• Kesan bahan binaan terhadap alam sekitar<br>• Penggunaan Alat Penentuan Tahap Kecekapan Tenaga Bangunan (*Energy Efficient building rating tools)* |
| | | **Bangunan dan kediaman lestari**<br>• Ciri-ciri bangunan lestari<br>• Bangunan lestari dan bukan lestari<br>• Bahan bangunan mesra alam<br>• Memilih perkakas yang cekap tenaga untuk kediaman<br>• Reka bentuk kediaman lestari<br>• Memilih kelengkapan rumah lestari yang jimat tenaga |
| **8.** | **Pelancongan** | **Jenis dan perkhidmatan pelancongan**<br>• Jenis produk dan perkhidmatan yang ditawarkan<br>• Jenis pakej pelancongan (pantai, semula jadi, warisan, bandar, pertanian dll)<br>• Perkhidmatan lain yang menyokong pelancongan (pengangkutan, makanan, pemandu pelancong, membeli belah, kraf tangan dan lain-lain) |
| | | **Kesan pelancongan terhadap masyarakat, ekonomi dan alam sekitar**<br>• Kesan aktiviti pelancongan kepada masyarakat dan komuniti<br>• Kesan aktiviti pelancongan kepada ekonomi setempat dan negara<br>• Kesan pelancongan terhadap alam sekitar |
| | | **Amalan melancong secara lestari**<br>• Menggunakan sumber secara bertanggungjawab ketika beriadah<br>• Menghayati ciri-ciri unik destinasi yang dilawati<br>• Menjaga persekitaran destinasi pelancongan yang dilawati<br>• Melancong di kawasan setempat dan di dalam negara<br>• Memilih destinasi pelancongan lestari<br>• Memilih produk pelancongan lestari (kemudahan, restoran, aktiviti dan lain-lain) |

**(Adaptasi ESCP, 2015)**

## 5.2 Kewarganegaraan Global

Malaysia sebagai sebuah negara dan komuniti dunia yang membangun dengan pesat tidak lari daripada kehidupan global yang sering terdedah dengan pelbagai isu yang mencabar dan meruncing. Dunia hari ini menghadapi pelbagai isu seperti perubahan iklim, pergolakan masyarakat dan politik, ketidakstabilan ekonomi serta ledakan maklumat akibat daripada perkembangan teknologi dan komunikasi. Elemen Kewarganegaraan Global merujuk perasaan kekitaan kepada masyarakat dan kemanusiaan yang menekankan kepada aspek sosial, budaya, ekonomi dan politik. Konsep elemen Kewarganegaraan Global adalah berdasarkan tiga domain pembelajaran iaitu kognitif, sosio-emosi dan tingkah laku. Dalam domain kognitif pengetahuan dan kemahiran berfikir digunakan untuk memahami dunia dan masalahnya. Manakala domain sosio-emosi dibina secara aktif merangkumi nilai, sikap dan minda agar membolehkan ahli masyarakat hidup aman, bersama-sama dan hormat menghormati antara satu dengan lain. Domain tingkah laku pula, membolehkan ahli masyarakat bertindak secara kreatif dan berkesan serta bertanggungjawab di peringkat setempat, negara dan global (UNESCO, 2015).

Elemen Kewarganegaraan Global mengandungi empat tema. Setiap tema mengandungi beberapa tajuk pembelajaran. Jadual 2 menunjukkan elemen Kewarganegaraan Global.

**Jadual 2: Kandungan Kewarganegaraan Global**

| | Tema | Tajuk Pembelajaran |
|---|---|---|
| **1.** | **Sistem dan Kehidupan Bermasyarakat** | **Identiti dan Jati Diri**<br>• Identiti, jati diri, peranan dan suri teladan<br>• Mengenali alam semula jadi, budaya, kepercayaan dan nilai |
| | | **Masyarakat**<br>• Tamadun manusia<br>• Kewarganegaraan<br>• Kebudayaan |
| | | **Politik dan Ekonomi**<br>• Struktur dan tamadun negara<br>• Bangsa dan persempadanan negara<br>• Pertukaran wang<br>• Jurang ekonomi<br>• Kenegaraan<br>• Akses kepada keadilan |
| | | **Hidup beretika dan bertanggungjawab**<br>• Hak asasi manusia<br>• Tindakan yang boleh diambil |
| **2.** | **Isu Tempatan dan Hubungannya dengan Masyarakat Global** | **Persamaan Gender**<br>• Akses kepada peluang yang sama rata |
| | | **Kesihatan**<br>• Kesihatan fizikal, psikologi dan sosial<br>• Gaya hidup sihat<br>• Penyakit |
| | | **Kepercayaan dan Nilai**<br>• Percaya kepada Tuhan<br>• Adab dan akhlak |
| | | **Migrasi Manusia**<br>• Penghijrahan<br>• Kemiskinan dan diskriminasi<br>• Pelarian |

| | Tema | Tajuk Pembelajaran |
|---|---|---|
| **3.** | **Kemajuan Sains dan Teknologi** | **Kesan Kemajuan Teknologi**<br>• Perubahan iklim<br>• Bencana alam<br>• Tenaga nuklear dan senjata nuklear<br>• Kehidupan digital, persekitaran maya, dan era maklumat<br>• Evolusi kemajuan teknologi |
| | | **Penyesuaian Manusia dengan Keperluan Persekitaran**<br>• Berkongsi sumber yang terhad dengan orang lain dan benda benda hidup lain<br>• Peluang, akibat dan tanggungjawab |
| **4.** | **Hidup Beretika** | **Hak dan Tanggungjawab**<br>• Hak asasi manusia |
| | | **Keamanan dan Penyelesaian Konflik**<br>• Menangani  dan mengambil tindakan secara kritikal menangani isu-isu global<br>• Tindakan yang boleh diambil secara individu dan kumpulan |

Adaptasi GCED, 2015)

## 5.3 Perpaduan

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa. Pelbagai usaha perlu dilakukan untuk memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia sejak dari kanak-kanak lagi. Elemen Perpaduan merupakan satu daripada aspirasi sistem yang terkandung dalam PPPM 2013-2025 selain daripada akses, kualiti, ekuiti dan kecekapan. Sehubungan dengan itu, elemen perpaduan diperkukuhkan dengan menerapkan tiga konstruk utama, iaitu menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian berkaitan agama, bangsa, budaya dan bahasa melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Penghayatan dan amalan murid terhadap elemen Perpaduan ini bukan sahaja dapat menyumbang ke arah perpaduan di peringkat kebangsaan malah menjangkau ke peringkat global.

Elemen Perpaduan mengandungi tiga konstruk utama iaitu menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian (BPPDP, 2014). Menerima kepelbagaian bermaksud guru dan murid yang berbeza agama dan bangsa boleh bersikap terbuka, toleransi, percaya dan sanggup bekerjasama walaupun berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa. Manakala, menghormati kepelbagaian bermaksud setiap guru dan murid yang berbeza agama dan bangsa mengamalkan sikap atau tingkahlaku yang berhemah tinggi, menghargai dan prihatin terhadap agama dan bangsa lain walaupun berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa. Mengurus kepelbagaian pula bermaksud setiap murid yang berbeza agama dan bangsa mengamalkan sikap atau tingkah laku yang adil, amanah dan rasional walaupun berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa.

**Jadual 3: Konstruk Utama, Subkonstruk dan Takrifan dalam Elemen Perpaduan**

| Bil. | Konstruk | Subkonstruk | Takrifan Subkonstruk |
|---|---|---|---|
| 1. | **Menerima Kepelbagaian** | **Bersikap Terbuka** | Keupayaan untuk menerima pandangan, amalan serta penampilan yang berbeza dari segi agama, bangsa, budaya dan bahasa serta berupaya menerima kelainan selaras dengan nilai masyarakat tempatan dan antarabangsa. |
| | | **Toleransi** | Keupayaan untuk bertolak ansur dengan keperluan dan kehendak kaum lain sama ada dalam konteks budaya, bahasa, amalan agama atau hal-hal lain demi keharmonian pelbagai kaum. |
| | | **Bekerjasama** | Keupayaan untuk menyokong, membantu serta memberi sumbangan kepada agama, bangsa, budaya dan bahasa kaum lain demi mencapai sesuatu matlamat. |
| | | **Percaya** | Keupayaan untuk memiliki keyakinan terhadap kebolehan, kejujuran, kebaikan agama, bangsa, budaya dan bahasa kaum lain serta mempunyai prasangka yang baik. |
| 2. | **Menghormati Kepelbagaian** | **Berhemah Tinggi** | Keupayaan untuk beradab mulia, berbudi bahasa, berbudi pekerti dan bersopan dalam pergaulan dengan kaum lain serta berupaya menjaga sensitiviti antara kaum. |
| | | **Menghargai** | Keupayaan untuk berasa bangga dengan keunikan pelbagai budaya dan bahasa yang ada, bersyukur dengan keharmonian negara dan mengiktiraf kejayaan yang dicapai oleh kaum lain. |
| | | **Prihatin** | Keupayaan untuk berempati dan peka terhadap permasalahan atau persekitaran kaum lain, bersedia untuk membantu atau menyelesaikan masalah kaum lain serta boleh menyayangi kaum lain. |

| Bil. | Konstruk | Subkonstruk | Takrifan Subkonstruk |
|---|---|---|---|
| 3. | **Mengurus Kepelbagaian** | **Adil** | Keupayaan untuk mengamalkan integriti dalam mengambil tindakan, membuat keputusan yang saksama serta membuat pertimbangan yang wajar dalam situasi kaum lain turut terlibat. |
| | | **Amanah** | Keupayaan untuk jujur dalam melaksanakan tanggungjawab serta melakukan tindakan yang terbaik dalam situasi kaum lain turut terlibat. |
| | | **Rasional** | Keupayaan untuk berfikir secara kritis berdasarkan alasan dan bukti yang nyata serta logik dan melakukan perkara yang wajar dalam situasi kaum lain turut terlibat. |

## 6.0 PENYEPADUAN ELEMEN KELESTARIAN GLOBAL DALAM MATA PELAJARAN




Rajah 1 : Penyepaduan Elemen Kelestarian Global Dalam Mata Pelajaran

Matlamat Kelestarian Global adalah untuk melahirkan murid yang berdaya fikir lestari. Ini boleh dicapai melalui pelaksanaan p&p menggunakan standard pembelajaran dan standard kandungan mata pelajaran dengan menyepadukan tiga elemen Kelestarian Global. Dalam proses penyepaduan mata pelajaran dengan elemen Kelestarian Global murid bukan sahaja menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai mata pelajaran tetapi juga berupaya menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai Kelestarian Global. Penyepaduan mata pelajaran dengan elemen Kelestarian Global ini boleh dilaksanakan melalui pendekatan langsung dan sisipan.

## 6.1 Pendekatan Langsung

Pendekatan langsung dilaksanakan dalam mata pelajaran yang mana elemen Kelestarian Global dinyatakan secara eksplisit dalam standard kandungan dan standard pembelajaran. Elemen ini diajar secara langsung dalam p&p mata pelajaran berdasarkan tema, bidang atau tajuk. Contoh standard mata pelajaran yang menyatakan secara eksplisit elemen Kelestarian Global adalah seperti berikut.

| | |
|---|---|
| Mata Pelajaran: | Geografi |
| Tema/Tajuk/Kemahiran: | Isu dan Pengurusan Alam Sekitar |
| Standard Kandungan | Pemanasan Global<br>Punca , kesan dan langkah mengurangkan pemanasan global |
| Standard Pembelajaran | 5.1.2 Menjelaskan dengan contoh punca pemanasan global |

* Sila rujuk muka surat 65 untuk cadangan aktiviti bagi tajuk ini.

## 6.2 Pendekatan Sisipan

Pendekatan sisipan dilaksanakan dalam mata pelajaran yang mana elemen Kelestarian Global tidak dinyatakan secara eksplisit dalam standard kandungan dan standard pembelajaran. Elemen Kelestarian Global diajar secara sisipan dalam p&p mata pelajaran sesuai dengan tema, bidang atau tajuk mata pelajaran. Dalam merancang p&p guru perlu membuat perkaitan antara standard kandungan atau standard pembelajaran yang hendak diajar dengan elemen Kelestarian Global.

| | |
|---|---|
| Mata Pelajaran: | Sejarah |
| Tema/Tajuk: | Zaman Prasejarah |
| Standard Kandungan: | 3.1 Zaman Prasejarah |
| Standard Pembelajaran: | 3.1.3 Membandingkan ciri-ciri kehidupan zaman<br>3.1.4 Menyatakan kesinambungan sumbangan zaman prasejarah kepada kemajuan manusia<br>K3.1.6 Menjelaskan keupayaan manusia prasejarah meneruskan kelangsungan hidup |

* Sila rujuk muka surat 87 untuk cadangan aktiviti bagi tajuk ini.

## 7.0 PENUTUP

Hasrat mengekalkan keaslian dalam bidang sosial, ekonomi dan alam sekitar diharapkan mencapai hasrat dunia sejagat apabila elemen Kelestarian Global diterapkan dalam kurikulum kebangsaan.

Bagi mencapai hasrat itu, pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan kelestarian global perlu dipertingkat dan diperkukuhkan dalam mata pelajaran untuk membentuk jati diri, semangat patriotisme dan lestari dalam kehidupan seharian seterusnya mensejahterakan keluarga, masyarakat, negara dan dunia demi warisan bangsa masa kini dan masa hadapan.

# CONTOH AKTIVITI PENDEKATAN LANGSUNG UNTUK SEKOLAH RENDAH

## PENDIDIKAN JASMANI DAN PENDIDIKAN KESIHATAN

| | |
|---|---|
| **Mata Pelajaran** | **Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (Komponan Pendidikan Kesihatan)** |
| **Tema/Tajuk/Kemahiran** | **Kekeluargaan** |
| **Standard Kandungan** | **Peranan Diri Sendiri dan Ahli Keluarga Serta Kepentingan Institusi Kekeluargaan dalam Aspek Kesihatan Keluarga** |
| **Standard Pembelajaran** | **5.1.3 Mengaplikasi cara menghormati diri, ahli keluarga dan penjaga.**<br>**5.1.4 Menganalisis cara berkomunikasi yang berkesan dengan ahli keluarga dan penjaga.** |

| **Cadangan Aktiviti** | **Elemen Kelestarian Global** |
|---|---|
| 1. Aktiviti main peranan berdasarkan gambar.<br>2. Murid berada dalam kumpulan kecil (mengikut kesesuaian).<br>3. Setiap kumpulan diberi gambar yang berlainan dan diminta membuat perbincangan.<br>4. Setiap kumpulan melakonkan situasi berdasarkan gambar yang diberi.<br>5. Guru memaparkan gambar dan bersoal jawab tentang kepentingan institusi kekeluargaan sebagai asas kehidupan bermasyarakat.<br> <br>  | **Elemen Kewarganegaraan Global**<br>Kehidupan Bermasyarakat:<br>• Diri dan keluarga – Pembentukan identiti, harga diri, peranan dan ‘role model’.<br>• Masyarakat – Tamadun manusia dari segi peribadi, tempatan dan global.<br><br>**Elemen Perpaduan**<br>Menghormati Kepelbagaian<br>Berhemah tinggi<br>• Menghargai<br>• Perihatin |

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
|---|---|
|   | |

# PENDIDIKAN MORAL

| | |
|---|---|
| **Mata Pelajaran:** | **Pendidikan Moral** |
| **Tema/Tajuk/Kemahiran:** | **Diri saya** |
| **Nilai:** | **Kerjasama** |
| **Standard Kandungan:** | **Kerjasama dalam kehidupan seharian** |
| **Standard Pembelajaran:** | **12.5 Mempraktikkan nilai bekerjasama demi perpaduan dalam kehidupan seharian.** |

<table>
<tr><th>Cadangan Aktiviti</th><th>Elemen Kelestarian Global</th></tr>
<tr><td>

1. Guru menunjukkan beberapa realia yang diperbuat daripada bahan kitar semula.

   Contoh: tabung, alat permainan dan alat hiasan







2. Guru bersoal-jawab mengenai bahan-bahan yang digunakan untuk membuat realia-realia seperti di atas.

   Contoh soalan:

   i. Apakah bahan buangan yang digunakan untuk menghasilkan realia-realia tersebut?

</td><td>

**Elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari**

Penggunaan dan Pengeluaran Lestari dalam Konteks Kehidupan Seharian

- Mengaplikasi life cycle thinking.
  (contoh: berfikir sebelum buang dan amalan 5R)

</td></tr>
</table>

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
|---|---|
| ii. Di manakah kita boleh mencari bahan-bahan tersebut?<br><br>3. Guru memberi sekeping potongan gambar kepada setiap murid (Lampiran 1).<br><br>4. Setiap murid diminta mencari cantuman dan melengkapkan gambar tersebut.<br><br>5. Guru menanyakan kebaikan bekerjasama berdasarkan pengalaman murid semasa menjalankan aktiviti tadi.<br><br>6. Murid disoal dengan contoh soalan berikut:<br><br>i. Mengapakah kita perlu bekerjasama?<br>ii. Apakah aktiviti lain yang boleh kita lakukan bersama- sama?<br><br>7. Guru menyediakan beberapa longgokan bahan seperti surat khabar, penyedut minuman, kotak, botol plastik, lidi dan ranting.<br><br>8. Murid menjana idea dan mencipta sesuatu dengan menggunakan bahan tersebut secara kumpulan.<br><br>Contoh: membina model bangunan, tabung atau kenderaan mainan<br><br>9. Murid ditanya dengan soalan-soalan berikut:<br><br>i. Apakah perasaan anda setelah melakukan aktiviti ini secara bekerjasama?<br>ii. Mengapakah kita perlu kitar semula?<br>iii. Apakah aktiviti yang boleh anda lakukan bersama-sama dengan jiran anda yang berlainan kaum?<br>iv. Mengapakah kebanyakan negara kitar semula bahan buangan?<br><br>10. Guru merumuskan pelajaran hari ini dengan nilai kerjasama serta memberi penekanan kepada amalan 5R dalam kehidupan. | **Elemen Perpaduan**<br><br>Menerima kepelbagaian<br><br>• bekerjasama<br><br>**Elemen Kewarganegaraan Global**<br><br>Isu-Isu dan Hubungannya dengan Masyarakat Global<br><br>• kesihatan |

# Lampiran 1



# CONTOH AKTIVITI PENDEKATAN SISIPAN UNTUK SEKOLAH RENDAH

# BAHASA INGGERIS

| | |
|---|---|
| **Mata pelajaran:** | **English Year 1** |
| **Tema:**<br>**Topik:** | **World of Knowledge**<br>**Transportation** |
| **Kemahiran:** | **Reading** |
| **Standard Kandungan** | **Pupils will be able to demonstrate understanding of a variety of linear and non-linear texts in the form of print and non-print materials using a range of strategies to construct meaning.** |
| **Standard Pembelajaran** | **2.2.1 Pupils are able to apply word recognition skills** |

<table>
<tr><th>Aktiviti</th><th>Elemen Kelestarian Global</th></tr>
<tr><td>1. Recite the “Transportation Rhyme” from the previous lesson.<br><br>2. Put up pictures of different transportation on the board. Recite the “Transportation Rhyme”. Pupils recall the names of the transportation from the rhyme. Pupils come to the front and circle the vehicles that they hear in the rhyme.<br><br></td><td>Elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari<br><br>• Jenis Pengangkutan</td></tr>
<tr><td>3. Discuss and explore each vehicle. Use a circle map to write the information on the board.<br>e.g. : Car<br>Do you have a car? Why do you need a car? What are other types of vehicles that are environmental friendly?<br>e.g. : Bicycle<br>Do you have a bicycle? Why do you ride on a bicycle? Is it environmental friendly?<br><br>4. Model the rhyme recitation. Pupils read the lines together with the teacher. Emphasise on the words in bold.</td><td>Elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari<br><br>• Kepentingan pengangkutan</td></tr>
</table>

| Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
| --- | --- |
| I ride on a **bicycle**<br>I ride on a bicycle, but I want to go faster<br>I ride on a **bus**<br>I ride on a bus, but I want to go faster<br>I ride in a **car**<br>I ride in a car, but I want to go faster<br>I fly on a **plane**<br>I fly on a plane, but I want to go faster<br>Five, four, three, two, one, go!<br>I fly in a **rocket**<br>I fly into space in a rocket<br><br>5. Put up the word cards on the board (bold words). Introduce the vocabulary from the rhyme (bicycle, bus, car, plane, rocket). Pupils name the other vehicles that they see in the picture. Paste those word cards as well (motorcycle, helicopter, ship, scooter, lorry).<br><br>6. Divide the pupils in groups of four. Provide them with different word cards and picture cards. Pupils work as a team to match each word card to the correct picture and arrange it on their table. They must read and pronounce the words.<br><br>7. Play a game of riddles. Read a few riddles. The team that can give the answer will come to the board and stick the picture and its word card. They must read and say the word aloud to get points. Give rewards to the winning team.<br>e.g. I have two wheels and a bell. I don't produce smoke. What am I?<br>I burn fuel to launch into space. What am I?<br>I am a public transport. I have a driver. What am I?<br><br>8. Distribute worksheets for the individual activity. Pupils are given pictures and words. Pupils cut out the words and paste them on the correct pictures. (Refer Appendix 1) Pupils complete their worksheet by matching each word to the correct picture. | **Elemen Perpaduan:**<br><br>• Bekerjasama<br><br>**Elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari** |

APPENDIX 1

Cut out the words and paste them on the correct pictures.

| | |
|---|---|
|  |  |
| | |
|  |  |
| | |
|  |  |
| | |
|  |  |
| | |
|  |  |
| | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **lorry** | **bus** | **car** | **plane** | **ship** |
| **rocket** | **bicycle** | **helicopter** | **scooter** | **motorcycle** |

## SEJARAH

| | |
|---|---|
| **Mata Pelajaran:** | **Sejarah** |
| **Tema/Tajuk:** | **Keluarga Bahagia** |
| **Standard Kandungan:** | **1.2 Pengertian Diri dan keluarga** |
| **Standard Pembelajaran:** | **1.2.2 Mengenal pasti salasilah keluarga**<br><br>**1.2.4 Mengenal pasti gelaran anggota keluarga**<br><br>**K1.2.7 Menyatakan adab yang perlu diamalkan dalam sesebuah keluarga** |

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
|---|---|
| 1. Guru memaparkan gambar-gambar dokumen pengenalan diri.<br><br>2. Murid diminta membuat pemerhatian dan menyatakan pendapat.<br><br>3. Murid membuat perkaitan tajuk perbincangan dengan elemen kewarganegaraan global (identiti, jati diri dan budaya) | **Elemen Kewarganegaraan Global**<br><br>• Kehidupan Bermasyarakat<br>• Identiti dan jati diri<br>• budaya |
| 4. Murid diminta melihat gambar rajah salasilah keluarga. Contoh:-<br><br>5. Murid diminta membuat pemerhatian dan membuat | **Elemen Kewarganegaraan Global**<br><br>• Kehidupan Bermasyarakat<br>• Identiti dan jati diri<br>• Hidup bertetika dan bertanggungjawab |

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
|---|---|
| perkaitan dengan salasilah keluarga sendiri.<br><br>6. Murid diminta menerangkan salasilah keluarga sendiri secara sumbang saran:<br>i. Mengenali keluarga asas<br>ii. Mengenali gelaran-gelaran dalam keluarga<br><br>7. Guru meminta murid membina rajah pokok keluarga sendiri.<br><br>8. Murid dibimbing membuat rumusan tentang keluarga asas dan mengaitkan dengan elemen kewarganegaraan global (identiti, jati diri, hidup beretika dan bertanggungjawab)<br><br>9. Murid dibahagikan kepada 4 kumpulan<br><br>10. Murid diminta melakukan perbincangan secara secara *Round Robin:*<br>i. Kumpulan 1:Mengenal pasti gelaran dan panggilan dalam keluarga Melayu.<br>ii. Kumpulan 2:Mengenal pasti gelaran dan panggilan dalam keluarga India.<br>iii. Kumpulan 3:Mengenal pasti gelaran dan panggilan dalam keluarga Cina.<br>iv. Kumpulan 4:Mengenal pasti gelaran dan panggilan dalam keluarga Asli.<br><br>11. Perkongsian maklumat tentang hasil perbincangan melalui permainan *Round Robin*.<br><br>12. Guru mengedarkan lembaran kerja tentang kata panggilan dalam keluarga. (Lampiran 1)<br><br>13. Wakil kumpulan membentangkan hasil kumpulan di hadapan kelas.<br><br>14. Murid dibimbing untuk mengaitkan perbincangan dengan elemen pendidikan perpaduan. (menerima kepelbagaian dan menghormati kepelbagaian)<br><br>15. Setiap kumpulan akan mencatatkan kesemua hasil perbincangan ke dalam lembaran kerja.<br><br>16. Guru meminta murid di dalam kumpulan menjalankan simulasi perbualan dalam keluarga dengan menggunakan panggilan dalam keluarga yang telah dikenal pasti, situasi melalui permainan *Fan & Pick*.<br><br>17. Kad permainan *Fan&Pick*: | **Elemen Perpaduan**<br><br>• Menerima Kepelbagaian<br>• Sikap terbuka<br>• Toleransi<br>• Bekerjasama<br><br>• Menghormati Kepelbagaian<br>• Berhemah tinggi<br>• menghargai |

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
|---|---|
| i. Cerita 1 (keluarga Melayu).<br>ii. Cerita 2 (keluarga India).<br>iii. Cerita 3 (Keluarga Cina).<br>iv. Cerita 4 (keluarga Asli).<br><br>18. Rakan-rakan lain dalam kumpulan dikehendaki menilai penggunaan panggilan keluarga yang digunakan oleh rakan mereka ketika melaksanakan tugasan.<br><br>19. Murid diminta menghasilkan gambar rajah salasilah keluarga dalam bentuk persembahan grafik.<br>Contoh:-<br><br><br><br>20. Murid dibimbing untuk merumuskan tentang institusi keluarga yang telah dipelajari dan mengaitkan dengan kehidupan seharian. | **Elemen Perpaduan**<br><br>• Menerima Kepelbagaian<br>  • Sikap terbuka<br>  • Toleransi<br>  • Bekerjasama |

**Lampiran 1**

**Arahan**: Senaraikan kata panggilan yang keluarga yang dapat kamu kenal pasti hasil perbincangan kumpulan kamu.

# KATA PANGGILAN DALAM KELUARGA

| | KELUARGA MELAYU | KELUARGA INDIA | KELUARGA CINA | KELUARGA ORANG ASLI |
|---|---|---|---|---|
| **Bapa** | | | | |
| **Ibu** | | | | |
| **Anak Pertama (Lelaki)** | | | | |
| **Anak Kedua (Perempuan)** | | | | |
| **Anak Ketiga (Lelaki)** | | | | |
| **Anak Keempat (Perempuan)** | | | | |
| **Anak Kelima (Perempuan)** | | | | |

# PENDIDIKAN KESENIAN

| | |
|---|---|
| **Mata Pelajaran** | **Pendidikan Kesenian** |
| **Standard Kandungan** | **3.3 Projek Kesenian** |
| **Standard Pembelajaran** | **3.3.1 Mempamerkan hasil karya untuk persembahan**<br>**3.3.2 Membuat persembahan kumpulan** |

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
|---|---|
| Pra Persediaan Pameran dan Persembahan Seni<br><br>P&P oleh Guru Seni Visual & Muzik (90 Minit)<br><br>**Langkah 1**<br><br>1. Guru dan murid berbincang tentang projek kesenian bertajuk "Fantasi Alam Rimba". Semua murid terlibat untuk menjayakan aktiviti berikut:<br>i. Pameran seni mini<br>ii. Persembahan seni mini<br><br>2. Guru dan murid berbincang tentang:<br>i. Atur cara bagi pameran dan persembahan seni<br>ii. Tugasan bagi pameran dan persembahan seni<br><br>3. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil. Setiap kumpulan berbincang, merancang dan menetapkan.<br>i. Nama kumpulan<br>ii. Ketua kumpulan<br>iii. Ahli Kumpulan<br>iv. Tugasan:<br>a. Pameran mini<br>b. Persembahan mini<br><br>4. Projek kesenian berskala kecil dijalankan di dalam kelas mengikut kreativiti guru dan murid.<br><br>**Langkah 2**<br><br>P&P oleh **Guru Seni Visual**<br><br>1. Guru bersama-sama murid berbincang tentang kriteria pemilihan karya untuk dipamerkan. | **Elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari**<br><br>• Inovasi Saintifik Dan Teknikal<br><br>• Meneroka alam semulajadi |

<table>
<tr><th>Cadangan Aktiviti</th><th>Elemen Kelestarian Global</th></tr>
<tr><td>

<u>Langkah 3</u>

1. Penerangan susun atur bagi pameran mini yang diadakan

   Contoh susun atur:
   i. Mengantung karya - contoh karya: arca mobail
   ii. Menampal karya di dinding - contoh karya: lukisan
   iii. Susun atur atas pedestal - contoh karya: model

2. Guru memberi penerangan peralatan yang biasa digunakan dalam susun atur pameran.

   Contoh:



a) Pedestal



b) Kekuda (easel)



c) Papan Pamer

3. Guru memberi penerangan peralatan gantian yang lain akan digunakan untuk susun atur pameran.
   i. dinding kelas
   ii. papan kenyataan kelas
   iii. susun atas meja

4. Murid dan guru berbincang tentang peralatan yang sesuai digunakan bagi susun atur pameran seni.

</td><td>

Elemen Perpaduan

Menerima kepelbagaian:

- menghormati
- bersikap terbuka
- toleransi

</td></tr>
</table>

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
|---|---|
| **<u>Langkah 4</u>**<br><br>1. Guru menunjuk cara membuat kapsyen.<br><br>2. Guru memberi penerangan maklumat yang perlu ada dalam kapsyen seperti:<br><br>i. Nama:<br>ii. Tajuk:<br>iii. Media:<br>iv. Tahun: | **Elemen Kewarnageraan Global**<br><br>• Mengenali alam semula jadi |
| **<u>Langkah 5</u>**<br><br>P&P oleh **Guru Muzik**<br><br>1. Guru memperdengarkan cerita Fantasi Alam Rimba. (Skrip cerita pada Lampiran 2).<br><br>2. Murid dan guru bersoal jawab dan berbincang tentang cerita yang didengar.<br><br>Contoh:<br>i.Cerita tentang apa?<br>ii.Apakah watak-watak yang ada dalam cerita ini?<br>iii.Suasana cerita ini berlaku di mana?<br>iv.Apakah bunyi yang boleh didengar? | **Elemen Perpaduan**<br><br>Menghormati kepelbagaian:<br><br>• rasional |
| 3. Berdasarkan cerita, guru dan murid menetapkan aktiviti yang bersesuaian untuk mempersembahkan cerita Fantasi Alam Rimba.<br><br>Contoh aktiviti:<br>i. Pelakon untuk melakonkan watak dari cerita yang didengar<br>ii. Pemuzik untuk menghasilkan kesan bunyi yang sesuai untuk suasana di dalam hutan.<br>iii. Memilih lagu yang sesuai untuk persembahan.<br>iv. Props yang sesuai untuk digunakan semasa persembahan | **Elemen Perpaduan**<br><br>Mengurus kepelbagaian:<br><br>• rasional |

<table>
<tr><th>Cadangan Aktiviti</th><th>Elemen Kelestarian Global</th></tr>
<tr><td>4. Murid dalam setiap kumpulan akan berbincang dan menetapkan tugasan:<br>i. Siapa yang akan menjadi pelakon untuk membawa watak-watak yang telah ditetapkan.<br>ii. Siapa yang akan menjadi pemuzik untuk memainkan alat muzik bagi menghasilkan kesan bunyi.<br>iii. Memilih lagu yang sesuai untuk persembahan. Contoh: Lagu Suasana Pagi dan Gajah Menari. (Setiap pilihan lagu dan gerakan adalah dari hasil semasa pembelajaran Seni Muzikl)<br>iv. Props yang akan digunakan semasa persembahan. (Setiap pilihan props adalah dari hasil karya murid semasa pembelajaran Seni Visual)<br>Catatan: Setiap keputusan akan dicatatkan dalam borang seperti di lampiran 3 (Senarai tugasan kumpulan)</td><td></td></tr>
<tr><td><u>APLIKASI PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN SENI</u><br><u>Langkah 1</u> (60 minit x 2 sesi pengajaran)<br>P&P oleh Guru Seni Visual<br>Setiap kumpulan akan melakukan aktiviti berikut:<br>i. Murid membuat kemasan hasil karya yang ingin dipamerkan.<br>ii. Guru bersama-sama murid mengumpul karya kreatif untuk dipamer.<br>iii. Guru bersama-sama murid memilih karya untuk dipamerkan<br>iv. Guru berbincang dengan murid lokasi pameran yang akan diadakan.</td><td>Elemen Perpaduan<br>Menerima kepelbagaian:<br>• Sikap terbuka<br>• kerjasama</td></tr>
</table>

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
|---|---|
| v. Murid membuat kapsyen<br><br>Nama:<br>Tajuk:<br>Media:<br>Tahun:<br><br>vi. Murid melabelkan kapsyen pada karya yang dipamerkan<br><br><br>vii. Murid menyusun atur pameran dengan bimbingan guru<br>Contoh susun atur:<br> | **Elemen Perpaduan**<br><br>**Menerima kepelbagaian:**<br><br>• menghormati<br>• bersikap terbuka |

<table>
<tr><th>Cadangan Aktiviti</th><th>Elemen Kelestarian Global</th></tr>
<tr><td>
Langkah 2 (30minit X 2 sesi pengajaran)<br><br>
P&P oleh Guru Muzik<br><br>
1. Latihan akan dijalankan mengikut segmen yang ditetapkan oleh guru.<br><br>
2. Segmen 1: Latihan untuk pemuzik. Menghasilkan kesan bunyi untuk menunjukkan suasana di waktu pagi.<br><br>
3. Segmen 2. Latihan untuk aktiviti muzik dan gerakan menggunakan lagu Suasana Pagi.<br><br>
Contoh:<br><br>
<table>
<tr><th>Lirik Lagu</th><th>Contoh Gerakan</th></tr>
<tr><td>Suasana pagi<br>sungguh nyaman<br>Bunga-bunga<br>kembang di taman</td><td>Semua watak<br>Bergerak seperti bunga yang sedang berkembang dan melambai-lambai ke kiri dan kanan.</td></tr>
<tr><td>Kicau burung pun<br>kedengaran<br>Rasa segar<br>seluruh badan</td><td>Semua watak<br>Bergerak seperti burung yang sedang terbang dengan gembira</td></tr>
<tr><td>Matahari mula<br>menyinari<br>Bumi indah hijau<br>menawan</td><td>Semua watak<br>Bergerak seperti matahari bersinar.</td></tr>
<tr><td>Segalanya<br>nampak berseri<br>Sungguh indah<br>ciptaan Tuhan</td><td>Watak dibahagikan kepada 3 iaitu:<br>(1)<br>Bergerak seperti bunga yang sedang berkembang dan melambai-lambai ke kiri dan kanan.<br>(2)<br>Bergerak seperti burung yang sedang terbang<br>(3)<br>Bergerak seperti matahari bersinar.</td></tr>
</table>
</td><td>
• toleransi
</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Cadangan Aktiviti</th><th>Elemen Kelestarian Global</th></tr>
<tr><td>
4. Latihan menggabungkan segmen 1 dan 2.<br><br>
5. Segmen 3<br>
i. Latihan untuk pemuzik. Menghasilkan kesan bunyi untuk menunjukkan suasana di dalam hutan.<br>
ii. Watak sekumpulan renjer berada di dalam hutan.<br><br>
• Latihan menggabungkan segmen 1, 2 dan 3<br><br>
• Segmen 4. Latihan untuk aktiviti muzik dan gerakan menggunakan lagu Gajah Menari<br><br>
<table>
<tr><th>Lirik Lagu</th><th>Gerakan</th></tr>
<tr><td>Saya seekor gajah di hutan sunyi<br>Mencari kawan-kawan sama menari<br>Lenggang lenggang lenggang ke kanan<br>Lenggang lenggang lenggang ke kiri<br>Lenggang lenggang lenggang ke kanan<br>Lenggang lenggang ke kiri<br>Bam Bam Bam Bam</td><td>Watak gajah<br><br>Bergerak mengikut kreativiti sendiri untuk mempamerkan watak gajah<br><br>Watak haiwan lain<br><br>Bergerak mengikut kreativiti sendiri untuk mengiringi dan bermain-main dengan gajah</td></tr>
<tr><td>Saya seekor tikus dilubang kecil<br>Mencari kawan-kawan sama menari<br>Jengkit jengkit jengkit ke kanan<br>Jengkit jengkit jengkit ke kiri<br>Jengkit jengkit jengkit ke kanan<br>Jengkit jengkit ke kiri<br>Ting Ting Ting Ting</td><td>Watak tikus<br><br>Bergerak mengikut kreativiti sendiri untuk mempamerkan watak tikus<br><br>Watak haiwan lain<br><br>Bergerak mengikut kreativiti sendiri untuk mengiringi dan bermain-main dengan tikus</td></tr>
</table>
<br>
• Latihan menggabungkan segmen 1, 2, 3 dan 4
</td><td></td></tr>
</table>

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
|---|---|
| **PAMERAN DAN PERSEMBAHAN SENI**<br><br>P&P oleh **Guru Seni Visual & Muzik** (90 Minit) ) - Semasa Pameran Seni<br><br>**Langkah 1**<br><br>P&P oleh **Guru Seni Visual** (40 minit)<br><br>1. Murid bercerita tentang karya sendiri kepada guru dan Rakan berdasarkan ilmu yang telah dipelajari<br>2. Murid perlu memastikan keselamatan bahan dan alatan semasa pameran berlangsung.<br><br> | **Elemen Perpaduan**<br><br>**Menghormati kepelbagaian:**<br><br>• Berhemah tinggi<br>• Menghargai<br>• Perihatin |
| **Langkah 2**<br>P&P oleh **Guru Muzik** (30 minit) - Semasa Persembahan Seni<br><br>i. Sebelum persembahan, ketua kumpulan memastikan bahawa semua ahli kumpulan telah bersedia dengan:<br>ii. alat muzik yang akan digunakan<br>iii. props yang akan digunakan<br>iv. Semasa persembahan, murid yang menjadi penonton, hendaklah memberi perhatian atau tumpuan kepada persembahan.<br>v. Setiap ahli kumpulan sentiasa mematuhi arahan ketua kumpulan | **Elemen Kewarganegaraan Global**<br>• Hidup beretika dan bertanggungjawab<br><br>**Elemen Perpaduan**<br><br>**Menghormati kepelbagaian:**<br><br>• Menghargai |

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
|---|---|
| **<u>SELEPAS PAMERAN DAN PERSEMBAHAN SENI</u>**<br><br>P&P oleh **Guru Seni Visual & Muzik** (20 minit)<br><br>**<u>Langkah 3</u>**<br><br>i. Menyimpan bahan pameran di tempat penyimpanan ditetapkan<br>ii. Menyimpan alatan yang digunakan semasa persembahan di tempat penyimpanan yang telah ditetapkan<br>iii. Murid mengemas persekitaran lokasi aktiviti serta menjaga kebersihan kelas/sekolah setelah selesai pameran dan persembahan seni | **Elemen Kelestarian**<br><br>**Bahan Pembuangan/ Sisa Domestik**<br><br>• Kepentingan kebersihan persekitaran rumah dan sekolah |

Lampiran 1

Nama kumpulan : ____________________

Ketua kumpulan : ____________________

Ahli kumpulan : ____________________

____________________

____________________

____________________

____________________

____________________

____________________

____________________

Lampiran 2

## SKRIP CERITA FANTASI ALAM RIMBA

*(Kesan bunyi menunjukkan suasana di waktu pagi - mainkan oleh pemuzik)*

**Suara latar:**

Di suatu pagi, dalam sebuah hutan tinggal pelbagai jenis haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Mereka hidup dalam suasana riang dan gembira.

*(Lagu Suasana Pagi dimainkan)*

Semua watak-watak bergerak dan menari mengikut lagu Suasana Pagi.

*(Kesan bunyi menunjukkan suasana di dalam hutan – dimainkan oleh pemuzik)*

**Suara latar:**

Tanpa disedari oleh haiwan-haiwan itu, mereka sedang diperhatikan oleh sekumpulan Renjer Hutan

*(Kesan bunyi menunjukkan suasana di dalam hutan - mainkan oleh pemuzik)*

**Suara latar:**

Tiba-tiba salah seorang Renjer Hutan tersebut ternampak dan tertarik dengan seekor gajah yang bersendirian. Renjer Hutan itu memanggil rakan-rakannya yang lain. Mereka memerhatikan gajah tersebut sambil melangkah perlahan-lahan dengan berhati-hati.

Sayup-sayup kedengaran gajah itu sedang bernyanyi. Rupa-rupanya gajah itu tidak bersendirian. Tikus juga menari dan bernyanyi bersama-sama dengan gajah. Semakin lama semakin banyak haiwan yang menyertai Gajah dan Tikus yang sedang menari dan bernyanyi itu. (*masuk satu demi satu dengan watak masing-masing)*. Mereka turut menyertai Gajah dan Tikus menari termasuk Renjer Hutan. (Mereka semua bergembira)

Lampiran 3

**SENARAI TUGASAN KUMPULAN**

Nama kumpulan :

1. **Pelakon**

| NAMA PELAKON (MURID) | WATAK |
|---|---|
| | Gajah |
| | Tikus |
| | Harimau |
| | Pokok 1 |
| | Pokok 2 |
| | Burung |
| | Renjer hutan |
| | Rakan renjer hutan 1 |
| | Rakan renjer hutan 2 |
| | |
| | |
| | |
| | |

## 2. Pemuzik

| Nama Pemuzik | Alat Muzik atau Alat Improvisasi Yang Digunakan | Kesan Bunyi Yang akan dihasilkan |
|---|---|---|
| | | Air sungai yang sedang mengalir |
| | | Burung-burung berkicauan di dalam hutan |
| | | Bunyi monyet |
| | | Bunyi gajah |
| | | Bunyi tapak kaki |
| | | |
| | | |
| | | |

Catatan : Seorang murid boleh memainkan lebih dari 1 alat muzik atau alat improvisasi.

## 3. Props

| Bil. | Props | Kegunaan Props |
|---|---|---|
| 1. | Topeng Gajah | Watak gajah |
| 2. | Topeng tikus | Watak Tikus |
| 3. | Topeng burung | Watak burung |
| 4. | Model Senapang | Renjer Hutan |
| 5. | Model Teropong | Renjer Hutan |
| 6. | Boneka harimau | Watak harimau |
| 7. | Batu besar | Di letakkan di hadapan pentas |
| 8. | | |

## PENDIDIKAN MORAL

| | |
|---|---|
| **Mata Pelajaran:** | **Pendidikan Moral** |
| **Tema/Tajuk/Kemahiran:** | **Diri saya** |
| **Nilai:** | **Kesederhanaan** |
| **Standard Kandungan:** | **Kesederhanaan dalam diri** |
| **Standard Pembelajaran:** | **13.5 Mengamalkan perlakuan sederhana dalam kehidupan seharian.** |

| **Cadangan Aktiviti** | **Elemen Kelestarian Global** |
|---|---|
| 1. Murid melukis gambar pelbagai jenis paip di papan putih.<br> <br>2. Murid diminta menyenaraikan jenis-jenis sumber air.<br>i. sumber bawah tanah<br>ii. telaga<br>iii. sumber lain<br>iv. sungai<br>3. Murid menjelaskan kepentingan air dalam kehidupan untuk tujuan:<br>i. minuman<br>ii. membersihkan diri<br>iii. membasuh basikal, kereta, pakaian dan rumah.<br>iv. menyiram pokok bunga<br>4. Murid melakukan simulasi seperti di bawah untuk mempraktikkan penjimatan air:<br>Contoh:<br>i. membasuh tangan<br>ii. menggosok gigi<br>iii. menyiram pokok bunga<br>5. Murid menghasilkan poster bertemakan ‘Air untuk | **Elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari**<br>Penggunaan Air Lestari<br>• air sebagai keperluan asas<br>**Elemen Kewarganegaraan Global**<br>Kemajuan Sains dan Teknologi Global<br>• Penyesuaian Manusia dengan Keperluan Persekitaran |

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
|---|---|
| Kegunaan Global ' dalam kumpulan (Lampiran 1).<br><br>6. Guru bersoal-jawab mengenai hasil poster murid.<br><br>i. Apakah tujuan poster ini dihasilkan?<br>ii. Jelaskan cara-cara menjimatkan air di rumah.<br>iii. Apakah kesan jangka panjang kepada masyarakat global jika berlaku kemarau?<br>iv. Apakah sikap kesederhanaan yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian selain penjimatan air?<br>a. wang saku<br>b. elektrik<br>c. makanan<br><br>7. Guru menilai dan memberikan hadiah untuk poster terbaik.<br><br>8. Guru merumus pelajaran hari ini dan membuat refleksi tentang sikap kesederhanaan yang perlu murid amalkan dalam kehidupan seharian. Guru juga merumuskan bahawa air merupakan sumber yang terhad kepada semua benda hidup di dunia. | **Elemen Kewarganegaraan Global**<br>• berkongsi sumber yang terhad dengan orang lain dan benda-benda hidup lain |

# Lampiran 1



# CONTOH AKTIVITI PENDEKATAN LANGSUNG UNTUK SEKOLAH MENENGAH

## SAINS

| | |
|---|---|
| **Mata Pelajaran:** | **Sains** |
| **Tema/Tajuk/Kemahiran:** | **Audit Tenaga** |
| **Standard Pembelajaran:** | • **Menghubung kait jenis peralatan elektrik dengan kuasa yang diperlukan.**<br>• **Berkomunikasi mengenai langkah penjimatan tenaga**<br>• **Menyedari pentingnya peranan setiap individu dalam penggunaan tenaga secara lestari**<br>• **Menyelesaikan masalah numerikal berkaitan kos penggunaan tenaga elektrik** |

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
|---|---|
| **FASA 1: PELIBATAN**<br><br>1. Murid ditanya soalan berikut:<br><br>i. Apakah sumber tenaga elektrik?<br>ii. Mengapa anda perlukan tenaga elektrik?<br>iii. Apakah nilai tenaga elektrik? Pernahkah anda mendengar ibu bapa atau penjaga merungut tentang bil elektrik?<br>iv. Terangkan penggunaan tenaga dalam sector industri, pengangkutan dan pertanian.<br><br>1. Semua murid berkongsi maklumat mengenai jumlah bil elektrik yang perlu dibayar untuk satu bulan.<br><br>2. Guru menanyakan mengapa terdapat bil eletrik yang mempunyai nilai yang tinggi dan tanyakan murid berkenaan apakah alat elektrik yang digunakan di rumahnya.<br><br>3. Murid membuat pengitlakan mengenai kos penggunaan tenaga elektrik dengan peralatan lektrik yang digunakan.<br><br>4. Guru memaklumkan tujuan pembelajaran hari ini ialah bagaimana melakukan audit elektrik dan bagaimana penjimatan boleh dilakukan | **Elemen Penggunaan dan pengeluaran Lestari**<br><br>• Semua orang perlukan tenaga elektrik.<br>- Menyedari kepentingan tenaga dalam kehidupan harian.<br><br>• Impak penggunaan tenaga ke atas masyarakat, ekonomi dan persekitaran.<br>- Menyedari penggunaan yang tidak dirancang akan menyebabkan pembaziran dengan kos yang tinggi dan seterusnya kepada alam sekitar untuk penjanaan tenaga yang lebih. |

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
|---|---|
| **FASA 2: PENEROKAAN**<br>Aktiviti 1:<br>1. Murid diberikan satu lembaran kerja 1 bagi menentukan kuasa, jangkamasa penggunaan dan penggunaan tenaga bagi beberapa peralatan elektrik yang biasa digunakan di rumah dengan menggunakan rumus:<br>$$\text{Kuasa (Watt)} = \frac{\text{Kerja (Joule)}}{\text{Masa (saat)}}$$<br>Aktiviti 2:<br>2. Murid memilih peralatan elektrik yang digunakan di rumah dan mengira jumlah kos penggunaan elektrik setiap bulan.<br><br>3. Daripada aktiviti ini, murid akan melihat corak perkaitan antara kuasa peralatan elektrik dan jangkamasa penggunaan. | • Impak penggunaan tenaga ke atas masyarakat, ekonomi dan persekitaran.<br>- Menyedari bahawa peralatan elektrik menggunakan tenaga pada kadar yang berbeza yang mempunyai perkaitan dengan kos penggunaan tenaga elektrik.<br>- Menyedari pentingnya mengamalkan penjimatan tenaga. |
| **FASA 3: PENERANGAN**<br>1. Murid diberi lembaran kerja 2 untuk membuat perbandingan penggunaan tenaga elektrik bagi setiap peralatan elektrik yang digunakan dan mengenal pasti peralatan elektrik yang paling tinggi menyumbang kepada bil elektrik.<br><br>2. Murid membuat penjelasan bahawa alat peralatan elektrik yang mengeluarkan banyak tenaga haba mempunyai nilai kuasa yang tinggi. Maka penggunaan alat elektrik itu perlu dikurangkan bagi tujuan penjimatan.<br><br>3. Murid boleh berkomunikasi mengenai langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga elektrik dengan menggunakan tenaga yang boleh diperbaharui.<br><br>4. Guru perlu mengukuhkan pemahaman mengenai menggurangkan penggunaan tenaga dengan memperkenalkan kecekapan tenaga. | • Penjimatan tenaga<br>- Penjimatan penggunaan tenaga<br>- Kecekapan tenaga<br>- Tenaga yang boleh diperbaharui<br>- Audit tenaga |

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
|---|---|
| **FASA 4: PENGEMBANGAN**<br>1. Murid diperkenalkan kepada konsep kecekapan tenaga yang diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2006. Bagi peralatan yang cekap menggunakan tenaga dilabelkan dengan *star rating*. Semakin banyak bintang pada alat elektrik yang digunakan maka ia semakin cekap menggunakan tenaga. Sistem *star rating* menggunakan 1 bintang untuk peralatan yang kurang cekap hingga ke 5 bintang yang paling cekap.<br>2. Murid diberi contoh satu label kecekapan tenaga untuk dianalisis maklumatnya<br><br><br>Endorsement Label used by Suruhanjaya Tenaga (Energy Commission)<br>3. Murid diberi masalah dalam konteks harian untuk diselesaikan. Beberapa pilihan jenama berlainan televisyen diberikan dengan nilai *star rating* masing-masing. Murid ditanya jenama manakah yang akan dipilih beserta justifikasi pemilihan yang dibuat. | • Mengamalkan penjimatan tenaga dalam kehidupan harian.<br>- Mempraktikkan penjimatan tenaga dalam kehidupan harian.<br>- Tenaga dan *governance* |
| **FASA 5: PENILAIAN**<br>Murid diberi lembaran kerja untuk menyelesaikan masalah dalam hidupan sebenar. | • Penggunaan tenaga secara lestari<br>- Menilai pemahaman murid mengenai penggunaan tenaga secara lestari.<br>- Memperkukuhkan nilai murni dalam penggunaan tenaga serta peranan sebagai pengguna. |

## LEMBARAN KERJA 1 : AUDIT TENAGA

1. Kira penggunaan tenaga untuk perkalatan elektrik tersebut dengan menggunakan rumus berikut:

Rumus: W = P x t

| Perkakasan elektrik | Watt | Penggunaan | Penggunaan tenaga |
|---|---|---|---|
| Peti sejuk  | 1200 watt | 24 jam / hari | 1200 x 24<br>= 28800wj |
| Periuk nasi elektrik  | | | |
| Lampu kalimantang  | | | |
| Seterika  | | | |
| Cerek elektrik  | | | |
| Televisyen  | | | |
| Mesin Basuh  | | | |
| Penyaman udara  | | | |
| Kipas berdiri  | | | |

2. Peralatan elektrik manakah yang menggunakan tenaga yang paling tinggi?

3. Apakah kriteria bagi peralatan yang menggunakan tenaga elektrik?

4. Kira jumlah penggunaan tenaga untuk semua peralatan elektrik tersebut.

5. Jelaskan perkaitan antara kuasa dan jangkamasa penggunaan alat tersebut?

## CONTOH PENGIRAAN: AUDIT TENAGA

Rumus : W = P x t

| W = Tenaga | P = Kuasa | t = masa penggunaan |
|---|---|---|

Contoh: W = P x t (100W) x 10 jam = 1000Wj @ 1kwj

| | | |
|---|---|---|
| **Langkah 1** | Kenal pasti semua peralatan elektrik yang berfungsi | **5 x Lampu Kalimantang (35W) 5 jam /hari**<br>**1 x TV (100W) 4 jam/hari**<br>**1 x seterika (1000W) 0.5 jam/hari**<br>**1 x peti sejuk (750W) 24 jam/hari**<br>**2 x kipas (60W) 4 jam/hari** |
| **Langkah 2** | Kira penggunaan tenaga untuk satu hari | **Kira kWj**<br>**Lampu : 5 x 35W x 5 jam = 0.875kWj**<br>**TV: 1 x 100W x 4 jam =0.4kWj**<br>**Seterika: 1 x 1000W x 0.5 jam =0.5kWj**<br>**Peti Sejuk: 1 x 750W x 24 jam =18kWj**<br>**Kipas: 2 x 60W x 4 jam = 0.24kWj**<br><br>**Jumlah : 0.875 + 0.4 + 0.5 + 18 + 0.24 = 20.015kWj** |
| **Langkah 3** | Kira penggunaan tenaga untuk satu bulan (30 hari) | **kWj**<br>**Anggap penggunaan tenaga adalah sama selama sebulan (30 hari), kira jumlah penggunaan tenaga:**<br><br>**20.015kWj x 30 hari = 600.45 kWj** |
| **Langkah 4** | Kira kos menggunakan tariff elektrik terkini | 1. **Untuk 500kWj pertama (1-500kWj) = (500 x 28.6)/100 = RM 143.00**<br>2. **Untuk 100kWj seterusnya (501 -600kWj) =(100 x 37.8)/100 = RM 37.80**<br>3. **Untuk 100kWj seterusnya (601-700kWj) = (0.45 x 38.7)/100 =RM 0.174**<br>**Jumlah: RM 143 + RM 37.8 + RM 0.174**<br>**= RM 180.97** |
| **Langkah 5** | Jumlah kos yang perlu dibayar | **RM 180.97** |

## LEMBARAN KERJA 2: AUDIT TENAGA

**Tarif Elektrik bagi Kediaman(TNB)**

| Kategory Tarif | Unit | Kadar |
|---|---|---|
| **1. Tarif A - Tarif Kediaman** | | |
| ***Bagi jumlah penggunaan di antara 0-400kWj*** | | |
| 200 kWj pertama (1-200 kWj) sebulan | sen/kWh | 21.8 |
| 200 kWj berikutnya (201-400 kWj) sebulan | sen/kWh | 33.4 |
| *Caj mimimum bulanan ialah RM3.00* | | |
| ***Bagi jumlah penggunaan melebihi 400kWj*** | | |
| 500 kWj pertama (1-500 kWj) sebulan | sen/kWh | 28.6 |
| 100 kWj berikutnya (501-600 kWj) sebulan | sen/kWh | 37.8 |
| 100 kWj berikutnya (601-700 kWj) sebulan | sen/kWh | 38.7 |
| 100 kWj berikutnya (701-800 kWj) sebulan | sen/kWh | 39.7 |
| 100 kWj berikutnya (801-900 kWj) sebulan | sen/kWh | 41.7 |
| Setiap kWj berikutnya (901 kWj) sebulan | sen/kWh | 44.6 |
| *Caj mimimum bulanan ialah RM3.00* | | |

*Sumber: Tenaga Nasional Berhad, 1 March 2009*

1. Kira tenaga elektrik untuk bulan ini dengan menggunakan langkah-langkah yang sama

| | | |
|---|---|---|
| **Langkah 1** | Kenal pasti semua peralatan elektrik yang berfungsi | |
| **Langkah 2** | Kira penggunaan tenaga untuk satu hari | |
| **Langkah 3** | Kira penggunaan tenaga untuk satu bulan (30 hari) | |
| **Langkah 4** | Kira kos menggunakan tariff elektrik terkini | |
| **Langkah 5** | Jumlah kos yang perlu dibayar | |

2. Apakah langkah yang perlu anda ambil untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik ataupun mengurangkan kos elektrik?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

## GEOGRAFI

| | |
|---|---|
| **Mata Pelajaran:** | **Geografi** |
| **Tema/Tajuk/Kemahiran:** | **Isu dan Pengurusan Alam Sekitar** |
| **Standard Kandungan** | **Pemanasan Global**<br>**Punca , kesan dan langkah mengurangkan pemanasan global** |
| **Standard Pembelajaran** | **5.1.2 Menjelaskan dengan contoh punca pemanasan global** |

| **Cadangan Aktiviti** | **Elemen Pendidikan Global** |
|---|---|
| 1. Guru menunjukkan dua gambar , Foto 1 dan Foto 2.<br> <br>2. Guru meminta murid membandingkan kedua-dua foto tersebut.<br><br>Berdasarkan jawapan murid guru mengaitkannya dengan pemanasan global.<br><br>3. Guru menerangkan punca berlakunya pemanasan global dengan menggunakan *power point* 1.<br> <br>  | **Elemen Kewarganegaraan Global**<br>Kesan Kemajuan Sains dan Teknologi<br>• Perubahan iklim |

| Cadangan Aktiviti | Elemen Pendidikan Global |
|---|---|
| 4. Guru meminta murid menyenaraikan punca-punca pemanasan global berdasarkan foto dalam *power point* 1.<br><br>5. Murid dalam kumpulan membincangkan punca-punca pemanasan global berdasarkan foto tersebut.<br><br>6. Murid membentangkan punca-punca pemanasan global mengikut foto yang ditunjukkan oleh guru.<br><br>7. Murid dalam kumpulan menghasilkan peta pemikiran (*i-Think*) dan menyenaraikan tentang punca pemanasan global berdasarkan foto yang ditunjukkan oleh guru.<br><br>8. Murid berbincang dalam kumpulan untuk menghasilkan peta pemikiran yang sesuai berdasarkan persetujuan kumpulan.<br><br>9. Murid secara kumpulan membuat keputusan untuk menghasilkan peta pemikiran yang sesuai di atas kertas mahjung.<br><br>10. Murid memilih salah seorang ketua kumpulan untuk membentangkan peta pemikiran yang dihasilkan<br><br>11. Murid melengkapkan Lembaran Kerja 1.<br><br>12. Murid merumuskan tentang definisi dan punca-punca pemanasan global. | **Elemen Perpaduan**<br>• Toleransi<br>• Bekerjasama<br><br>**Elemen Kewarganegaran Global**<br>• Perubahan iklim<br><br>**Elemen Penggunaan dan Pengeluaran**<br>• Kesan pengguna dan pengeluar kepada masyarakat, ekonomi dan alam sekitar<br>• Perubahan iklim |

## SEJARAH

| | |
|---|---|
| **Mata Pelajaran:** | **Sejarah** |
| **Tema/Tajuk:** | **Sumbangan Tamadun Awal Dunia** |
| **Standard Kandungan:** | **4.1 Tamadun Awal Dunia dan Sumbangannya** |
| **Standard Pembelajaran:** | **4.1.3 Menjelaskan ciri-ciri tamadun awal dunia**<br>**4.1.4 Membincangkan empat lokasi pembentukan tamadun awal dunia**<br>**K4.1.8 Menjelaskan keperluan menghargai sumbangan tamadun awal dunia dalam kehidupan manusia** |

<table>
<tr><th>Cadangan Aktiviti</th><th>Elemen Kelestarian Global</th></tr>
<tr><td>
1. Guru menayangkan video mengenai proses urbanisasi Sumber youtube: http://ed.ted.com/lessons/urbanization-and-the-future-of-cities-vance-kite<br><br>
2. Guru bersoal jawab berdasarkan video yang ditonton dalam video tersebut.<br><br>
Soalan guru:<br>
i. Apakah kemajuan yang dapat kamu kesan daripada video tadi?<br>
ii. Adakah kemajuan yang dicapai oleh masyarakat dari video ini.(jawapan pelbagai)<br>
iii. Apakah kaitan kemajuan hari ini dengan tamadun awal dunia?<br>
iv. Murid dibimbing membina hipotesis bahawa kemajuan dunia hari ini merupakan inovasi yang dimulai oleh orang terdahulu.<br><br>
3. Murid dibahagikan kepada 4 kumpulan untuk membincangkan perkara berikut<br><br>
<table>
<tr><th>Kumpulan</th><th>Perkara</th></tr>
<tr><td>Kumpulan 1</td><td>Sumbangan Tamadun Hwang Ho:</td></tr>
<tr><td>Kumpulan 2</td><td>Sumbangan Tamadun Indus</td></tr>
<tr><td>Kumpulan 3</td><td>Sumbangan Tamadun Mesir Purba</td></tr>
<tr><td>Kumpulan 4</td><td>Sumbangan Tamadun Mesopotamia.</td></tr>
</table><br>
4. Setiap kumpulan diminta untuk membina peta minda diatas kertas mahjong yang menerangkan hasil perbincangan kumpulan masing-masing.<br><br>
5. Murid dibimbing mengaitkan perbincangan dengan elemen
</td><td>
Elemen Kewarganegaraan Global<br>
• Kehidupan Bermasyarakat<br>
• Masyarakat / tamadun manusia<br><br>
• Kemajuan Sains dan teknologi<br>
• Kesan kemajuan teknologi<br><br>
Elemen Kewarganegaraan Global<br>
• Politik dan Ekonomi<br>
• Struktur dan tamadun negara<br>
• Bangsa dan persempadanan negara<br>
• Isu Tempatan, Nasional dan Global<br>
• Kepercayaan dan Nilai
</td></tr>
</table>

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
|---|---|
| *kewarganegaraan global dan elemen penggunaan dan pengeluaran lestari*.<br><br>6. Secara berkumpulan murid diminta untuk bergerak ke kumpulan yang berlainan untuk melihat hasil kerja kumpulan tersebut<br><br>7. Dalam tempoh 2 minit murid diminta meneliti hasil kerja kumpulan yang dilawati dan membuat penambahan (jika ada) ke atas peta minda yang dihasilkan kumpulan yang dilawati.<br><br>8. Murid akan bergerak ke kumpulan seterusnya sehingga kembali ke kumpulan masing-masing.<br><br>9. Guru menerapkan *elemen perpaduan.*<br><br>10. Wakil kumpulan diminta membentangkan hasil kerja kumpulan masing-masing dihadapan kelas.<br><br>11. Murid diminta mencatatkan sumbangan penting bagi setiap tamadun semasa pembentangan dijalankan.<br><br>12. Secara berkumpulan murid diminta membuat perbandingan sumbangan setiap tamadun yang telah dibincangkan. Contoh:-<br><br><br><br>13. Guru dibimbing mengaitkan hasil perbincangan dengan *elemen perpaduan*.<br><br>14. Murid dipilih secara rawak untuk menerangkan sumbangan penting tamadun-tamadun awal dunia.<br><br>15. Murid diminta melengkapkan lembaran kerja yang disediakan.<br><br>Arahan guru:- Lengkapkan peta buih berikut berdasarkan pemerhatian anda. | **Elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari**<br>• Penggunaan air lestari<br>• Air sebagai keperluan utama kehidupan<br>• Kesan penggunaan air terhadap masyarakat, ekonomi dan alam sekitar<br><br>**Elemen Perpaduan**<br>• Menerima Kepelbagaian<br>• Sikap terbuka<br>• Toleransi<br>• Bekerjasama |

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
|---|---|
| <br>16. Guru berbincang jawapan dengan murid.<br><br>17. Murid dibimbing untuk merumuskan sumbangan tamadun awal dunia dan membuat perkaitan dengan perkembangan dunia hingga kini serta menyatakan penghargaan. | |

## PENDIDIKAN MORAL

| | |
|---|---|
| **Mata Pelajaran:** | **Pendidikan Moral** |
| **Bidang/Tajuk/Kemahiran:** | **Moral, peraturan dan undang-undang** |
| **Nilai:** | **Kasih sayang** |
| **Standard Kandungan:** | **4.4 Lindungi hak asasi kanak-kanak** |
| **Standard Pembelajaran:** | **4.4.1 Menyenaraikan hak asasi kanak-kanak** |

<table>
<tr><th>Cadangan Aktiviti</th><th>Elemen Kelestarian Global</th></tr>
<tr><td>

1. Murid menyenaraikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan ketika sambutan Hari Kanak-Kanak di sekolah.




Contoh:
i. Perhimpunan Khas
ii. Permainan Kecil
iii. Nyanyian
iv. Mendeklamasi Sajak

2. Murid menceritakan kes penderaan kanak-kanak yang pernah dilihat, ditonton atau dibaca menerusi surat khabar seperti penderaan fizikal dan mental.


Bayi tiga bulan didera pengasuh

Patah tangan, kaki

> "Apalah dosa Zafran hingga dia menjadi mangsa dera," kata Muhammad Razali Hamzah, 32, bapa kepada bayi lelaki berusia tiga bulan yang patah tangan dan kaki kiri dipercayai akibat didera pengasuhnya. Kecederaan bayi malang itu dikesan bapa mangsa apabila dia tidak henti-henti menangis ketika dibawa keluar dari rumah pengasuhnya, Jumaat lalu.

Laporan Mary Victoria Dass

3. Guru bersoal-jawab dengan murid mengenai hak kanak-

</td><td>

**Elemen Kewarganegaraan Global**

Hidup Beretika Dan Berharmoni

- hak dan tanggungjawab

</td></tr>
</table>

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
| --- | --- |
| kanak seperti:<br>i. Hak Pendidikan<br>ii. Hak Perlindungan<br>iii. Hak Keselamatan<br><br><br><br><br><br><br><br>4. Murid membincangkan kes penderaan kanak-kanak berpandukan keratan akhbar dalam kumpulan (Lampiran 1).<br><br>Contoh:<br>i. Apakah yang dimaksudkan dengan penderaan kanak-kanak?<br>ii. Mengapakah penderaan kanak-kanak ini berlaku di serata dunia?<br>iii. Cadangkan langkah-langkah untuk mengatasi penderaan kanak-kanak seperti ini?<br><br>5. Murid menghasilkan sajak bertemakan 'Hak Kanak-Kanak' secara kumpulan (Lampiran 2).<br><br>6. Murid mendeklamasikan sajak yang dicipta dan mendapatkan komen daripada kumpulan-kumpulan lain.<br><br>7. Guru merumus pelajaran hari ini dengan menunjukkan | **Elemen Perpaduan**<br><br>Menghormati Kepelbagaian<br><br>• prihatin |

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
| --- | --- |
| video lagu bertajuk*, 'Black or white'* (sumber: https://youtu.be/F2AiTPI5U0) dan membuat refleksi tentang hak asasi kanak-kanak tanpa mengira agama, bangsa, bahasa dan budaya serta hak dan tanggungjawab kanak-kanak yang disarankan di peringkat global. | |

# Lampiran 1

IPOH - Polis kini giat mengesan individu yang bertanggungjawab mendera seorang kanak-kanak perempuan sehingga meninggal dunia di Menglembu, di sini, Jumaat lalu.

Timbalan Ketua Polis Perak Datuk Hasnan Hassan berkata pihaknya telah mengambil keterangan beberapa saksi termasuk ibubapa kanak-kanak berkenaan bagi membantu siasatan.

"Sehingga kini kita sedang siasat siapa yang bertanggungjawab (mendera kanak-kanak itu)... ibubapa atau penjaga. Semasa didera, siapa yang menjaga mangsa ketika itu," katanya kepada pemberita selepas melepaskan peserta Kayuhan Beca 1Malaysia di sini hari ini.

Hasnan berkata kanak-kanak perempuan berusia dua tahun itu meninggal dunia ketika menerima rawatan di sebuah klinik kesihatan berhampiran akibat sesak nafas.

Hasil bedah siasat menunjukkan terdapat kesan kecederaan dan lebam di bahagian kepala mangsa.

- Bernama

# Lampiran 2

## Arahan: Hasilkan sajak bertemakan hak asasi kanak-kanak



# CONTOH AKTIVITI PENDEKATAN SISIPAN SEKOLAH MENENGAH

## MATEMATIK

| Mata Pelajaran: | MATEMATIK |
|---|---|
| Tema/Tajuk/Kemahiran: | **Bidang Pembelajaran:**<br>Perkaitan dan Algebra<br><br>**Tajuk:**<br>Nisbah, Kadar dan Kadaran<br><br>**Standard Kandungan:**<br>Perkaitan antara nisbah, kadar dan kadaran dengan peratusan, pecahan dan perpuluhan<br><br>**Standard Pembelajaran:**<br>4.5.1 Menentukan hubungan antara peratusan dan nisbah<br><br>4.5.3 Menyelesaikan masalah yang melibatkan perkaitan antara nisbah, kadar dan kadaran dengan peratusan, pecahan dan perpuluhan. |

| Cadangan Aktiviti | Elemen Pendidikan Global |
|---|---|
| **Induksi Set:**<br><br>1. Guru menulis motto **"Rakyat Sihat, Negara Maju"** di atas papan putih.<br><br>2. Guru menunjukkan satu video pendek tentang kepentingan penjagaan kesihatan mengenai pengawalan kalori dalam pemakanan seharian.<br>Tajuk video: *Kalori 3*<br>(Link Video: https://youtu.be/G2wEGaY85IY)<br><br>3. **Aktiviti 1:** Berdasarkan video yang telah ditayang, murid membincangkan soalan berikut dalam kumpulan kecil.<br>a) Apakah yang dimaksudkan dengan kalori?<br>b) Bincangkan aktiviti harian yang baik untuk mengawal pengambilan kalori.<br>c) Bincangkan kesan pengambilan kalori yang berlebihan terhadap individu.<br>d) Apakah akibat kepada negara sekiranya | Elemen Kelestarian, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan boleh diserapkan dalam pelajaran ini secara implicit. Sebagai contoh guru boleh membincangkan:<br><br>• Kesan terhadap produktiviti negara sekiranya ramai rakyat mempunyai penyakit kritikal.<br>• hak pengguna dari segi kepentingan meletakkan kandungan nutirisi pada bungkusan makanan.<br>• Kos rawatan penyakit kencing manis yang |

| Cadangan Aktiviti | Elemen Pendidikan Global |
|---|---|
| seseorang individu itu tidak menjaga kesihatan.<br><br>4. Murid membentangkan hasil Aktiviti 1.<br><br>5. **Aktiviti 2**: Jalankan aktiviti secara koperatif.<br><br>6. Murid membentangkan hasil Aktiviti 2. Bincangkan dapatan murid. Kaitkan dengan keperluan mengamalkan pemakanan sihat. | tinggi terhadap masyarakat dan negara.<br>• Data tentang penyakit kencing manis. |

# Aktiviti 2
# Kalori

Kalori ialah unit tenaga. Dalam pemakanan dan bahasa seharian, kalori merujuk kepada kandungan tenaga dalam makanan dan minuman dan penggunaan tenaga melalui aktiviti fizikal. Sebagai contoh, epal mungkin mempunyai 80 kalori, manakala berjalan 1 kilometer boleh menggunakan 100 kalori.

Gambar menunjukkan jenis minuman, kandungan dalam unit gram dan nilai kalori yang terkandung. Pilih 3 jenis minuman kegemaran anda.:

a) Tentukan nisbah kandungan kepada kalori bagi setiap jenis minuman yang telah anda pilih.

b) Nyatakan samada minuman kegemaran anda adalah sihat atau tidak. Berikan justifikasi anda.



**Soya**

**250 g**

**158 kcal**



**Jus Limau**

**250 g**

**160 kcal**



**Kopi**

**194 g**

**113 kcal**



**Tebu**

**263 g**



**Teh**

**260 g**

**153 kcal**

# GEOGRAFI

| | |
|---|---|
| **Mata Pelajaran:** | **Geografi** |
| **Tema/Tajuk/Kemahiran:** | **Pengangkutan dan Telekomunikasi** |
| **Standard Kandungan:** | **3.1 Pengangkutan di Malaysia: Kemajuan pengangkutan, fungsi pengangkutan dan kepentingan pengangkutan awam di Malaysia** |
| **Standard Pembelajaran:** | **3.1.3 Menilai kepentingan pengangkutan awam di Malaysia** |

| **Cadangan Aktiviti** | **Elemen Kelestarian Global** |
|---|---|
| 1. Guru menunjukkan beberapa keping gambar pengangkutan awam di Malaysia.<br><br><br>2. Guru bertanya kepada murid fungsi jenis-jenis kenderaan tersebut. | **Elemen Perpaduan**<br>• Toleransi<br>• Bekerjasama<br>• Bersikap terbuka<br><br>**Elemen Kewarganegaraan Global**<br>• Kemajuan Sains dan Teknologi |

| | |
|---|---|
| 3. Murid disoal tentang cara-cara menaiki kenderaan awam di Malaysia dan luar negara yang mereka ketahui.<br><br>4. Seterusnya guru mengaitkan situasi tersebut dengan tajuk pembelajaran pada hari ini.<br><br>5. Berdasarkan gambar di bawah, guru meminta murid secara berkumpulan:<br><br><br><br>i. Membincangkan kepentingan pengangkutan awam di Malaysia.<br>ii. Membandingkan pengangkutan awam di Malaysia dengan pengangkutan awam luar negara. | **Elemen Penggunaan dan Pengeluaran**<br>• Kepentingan pengangkutan & perhubungan<br><br>**Elemen Perpaduan**<br>• Toleransi<br>• Bekerjasama<br>• Bersikap terbuka |
| 6. Secara berkumpulan, murid menghasilkan peta pemikiran (*i-Think*) dan menyenaraikan semua kepentingan dan fungsi pengangkutan awam berdasarkan gambar yang ditunjukkan oleh guru.<br><br>7. Murid berbincang dalam kumpulan untuk menghasilkan peta pemikiran yang sesuai berdasarkan persetujuan kumpulan. | **Elemen Penggunaan dan Pengeluaran**<br>• Amalan pengangkutan dan perjalanan lestari |




8. Wakil kumpulan membuat pembentangan di hadapan kelas.

9. Guru meminta murid membandingkan pengangkutan awam yang paling cekap di Malaysia dan luar negara menggunakan peta buih berganda.




11. Murid menjawab peta buih berganda yang diedar sambil dipantau oleh guru.

12. Murid membentang hasil peta buih berganda yang dibina.

13. Guru membuat rumusan tentang kaitan antara pengangkutan dengan pencemaran,yang berlaku di beberapa negara kini.

**Elemen Kewarganegaraan Global**

- Bencana alam

# SEJARAH

| | |
|---|---|
| **Mata Pelajaran:** | **Sejarah** |
| **Tema/Tajuk:** | **Zaman Prasejarah** |
| **Standard Kandungan:** | **3.1 Zaman Prasejarah** |
| **Standard Pembelajaran:** | **3.1.3 Membandingkan ciri-ciri kehidupan zaman prasejarah**<br>**3.1.4 Menyatakan kesinambungan sumbangan zaman prasejarah kepada kemajuan manusia.**<br>**K3.1.6 Menjelaskan keupayaan manusia prasejarah meneruskan kelangsungan hidup** |

<table>
<tr><th>Cadangan Aktiviti</th><th>Elemen Kelestarian Global</th></tr>
<tr><td>
1. Murid melihat tayangan slaid mengenai tinggalan-tinggalan manusia prasejarah










2. Sumbang saran tentang slaid pembentangan.
3. Guru membuat rumusan dan mengaitkan jawapan dengan tajuk pembelajaran.
4. Guru mengaitkan kehidupan zaman prasejarah dan keperluan air dalam kehidupan seharian.
5. Murid dibahagikan kepada 4 kumpulan.
6. Murid diminta membincangkan tentang ciri-ciri kehidupan zaman prasejarah dengan melengkap borang pengurusan grafik. (Lampiran 1)
7. Setiap murid perlu menyumbangkan idea dan mencatatnya di dalam borang tersebut.
8. Pembentangan hasil kerja kumpulan.
</td><td>
**Elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari**

- Penggunaan air lestari
  - Air sebagai keperluan utama hidupan

**Elemen Perpaduan**

- Menerima kepelbagaian
  - Bersikap terbuka
- Menghormati kepelbagaian
  - Berhemah tinggi

**Elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari**

- Pengeluaran dan penggunaan
  - Kesan pengeluaran dan penggunaan kepada persekitaran dan perubahan iklim
</td></tr>
</table>

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
|---|---|
| 9. Guru memaparkan slaid pembentangan ciri-ciri kehidupan zaman prasejarah. (Lampiran 2) | |
| 10. Murid membanding beza jawapan mereka dengan slaid pembentangan tersebut. | |
| 11. Murid membuat satu “Cabutan Bertuah” tentang ciri-ciri kehidupan zaman prasejarah dan kemudian menerangkannya di hadapan kelas dan mengaitkan dengan kehidupan masa kini.<br>Contoh kad cabutan bertuah:-<br>**Petempatan** **Alatan**<br>**Kegiatan Harian** **Kepercayaan** | |
| 12. Murid lain bersoal jawab tentang kehidupan zaman prasejarah dan perkaitan dengan kehidupan masa kini yang diterangkan oleh rakan. | |
| 13. Guru membuat rumusan dan mengaitkan dengan elemen perpaduan. | |
| 14. Murid menjalankan aktiviti permainan pilih dan padan. | **Elemen Perpaduan**<br>• Menghormati kepelbagaian<br>• Mengurus kepelbagaian |
| 15. Murid memilih kad ayat yang disediakan di dalam kotak dan menyesuaikan pada carta banding beza yang disediakan.<br>Arahan Guru: *Bandingkan ciri-ciri masyarakat zaman paleolitik dan zaman logam dengan melengkapkan peta buih yang diberi.*<br> | |
| 16. Murid dan guru berbincang tentang jawapan bersama-sama. | |
| 17. Murid dipilih secara rawak untuk menjelaskan 2 pengajaran daripapada keupayaan manusia prasejarah meneruskan kelangsungan hidup. | |
| 18. Murid dibimbing membuat rumusan dan mengaitkan dengan elemen penggunaan dan pengeluaran lestari | |

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kelestarian Global |
|---|---|
| 19. Murid menerangkan ciri-ciri kehidupan zaman prasejarah.<br><br>20. Murid menyesuaikan pengajaran yang dapat dikutip daripada kehidupan manusia prasejarah dalam kehidupan masa kini.<br><br>21. Murid dibimbing merumus isi pelajaran.<br><br>22. Guru membuat rumusan dan mengaitkan dengan elemen perpaduan | **Elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari**<br>• Pengeluaran dan penggunaan<br>  • Kesan pengeluaran dan penggunaan kepada persekitaran dan perubahan iklim<br><br>**Elemen Perpaduan**<br>• Menghormati kepelbagaian<br>• Mengurus kepelbagaian |

**Lampiran 1**

# CIRI-CIRI KEHIDUPAN MASYARAKAT PRASEJARAH

ZAMAN PALEOLITIK

ZAMAN MESOLITIK

ZAMAN NEOLITIK

ZAMAN LOGAM

**Lampiran 2**

## CIRI MASYARAKAT PRASEJARAH

| | Zaman Paleolitik | Zaman Mesolitik | Zaman Neolitik | Zaman Logam |
|---|---|---|---|---|
| Tempat tinggal | 1. Hidup berpindah-randah (nomad).<br>2. Tempat tinggal ialah<br>i. Di kawasan terbuka (luar gua),<br>ii. Dalam gua<br>iii. Sekitar tasik. | 1. Hidup berkelompok | 1. Menetap di dalam gua /hamper dgn sungai.<br>2. Wujud sistem bermasyarakat – mempunyai ketua dan pembahagian kerja | 1. Tinggal menetap<br>2. Ada masih tinggal di dalam gua<br>3. Ada tinggal berhampiran sungai. |
| Kegiatan | 1. Buru binatang liar.<br>2. Pungut hasil hutan<br>3. Hidup sara diri. | 1. Memburu<br>2. Mencari hasil hutan dan sungai | 2. Bercucuk tanam.<br>3. Tangkap ikan.<br>4. Ternak binatang.<br>5. Berburu<br>6. Pungut hasil hutan.<br>7. Berdagang secara tukar barang. | 2. Bercucuk tanam.<br>3. Menangkap ikan.<br>4. Ternak binatang.<br>5. Berburu.<br>6. Perdagangan tukar barang. |
| Alatan | 1. Guna alat batu yang kasar untuk memotong daging dan menetak pokok.<br>2. Alat batu penetak – utk meraut & memotong. | 1. Alatan batu halus buatannya | 1. Cipta alat tembikar seperti periuk<br>2. Guna alat batu tetapi lebih kemas buatannya | 1. Alat logam daripada gangsa dan besi. |
| Kepercayaan | 1. Animisme – percaya benda seperti batu mempunyai semangat<br>2. Upacara perkuburan.<br>3. Mayat dikebumikan bersama barang-barang<br>4. Manusia Perak dikebumikan kaki berlipat. | 1. Animisme<br>2. Mengebumikan mayat dan mayat tersebutdibengkokkan semasa dikebumikan | 1. Mengamalkan kepercayaan animisme | 1. Kepercayaan dan pegangan hidup tertentu.<br>2. Pengebumian menggunakan kepingan batu. |

# PENDIDIKAN MUZIK

| | |
|---|---|
| **Mata Pelajaran** | **Pendidikan Muzik** |
| **Standard Kandungan** | **4.0 Bidang Apresiasi Muzik** |
| **Standard Pembelajaran** | **4.1.1 Memberi ulasan tentang muzik Malaysia yang didengar atau ditonton dari aspek:**<br>**i. genre muzik**<br>**ii. latar belakang muzik**<br>**iii. alat muzik**<br>**iv. fungsi muzik**<br>**v. cara persembahan** |

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kewarganegaraan Global |
|---|---|
| 1. Murid mendengar 2 buah lagu dan dikehendaki mengecam genre muzik tersebut.<br><br><u>Contoh Soalan:</u><br>• Adakah genre muzik yang kamu dengar tadi, lagu tradisional atau bukan tradisional?<br>• Mengapa kamu mengatakan demikian?<br><br>2. Murid dibahagikan kepada 3 kumpulan dan setiap kumpulan akan menerima tugasan mereka.<br><br><u>Contoh Tugasan Kumpulan</u><br><br>Kumpulan anda dikehendaki membuat kajian dan membentangkan satu genre Muzik Malaysia. Kajian adalah dari aspek alat muzik, fungsi muzik, cara persembahan dan latar belakang muzik tersebut. Anda juga dikehendakki mengenal pasti identiti utama muzik tersebut serta mengaitkannya dalam konteks budaya dan masyarakat.<br><br>i. Setiap kumpulan diberikan masa selama 25 minit untuk menyelesaikan tugasan dan 5 minit untuk membentangkan hasil kajian.<br><br>ii. Kumpulan anda boleh mendapatkan setiap maklumat yang diperlukan pada stesyen A, B dan C.<br><br>iii. Setiap kumpulan akan menulis dapatan kajian dan rumusan seperti di lampiran A. | **Kewarganegaraan Global:**<br><br>**Identiti dan Jati Diri**<br>• Mengenali budaya, kepercayaan dan nilai<br><br>**Masyarakat**<br>• Kebudayaan |

| Cadangan Aktiviti | Elemen Kewarganegaraan Global |
|---|---|
| Catatan: Persediaan guru<br><br>Guru menyediakan 3 stesyen A,B dan C yang mengandungi maklumat berikut:<br><br>**Stesyen A :**<br>- Video persembahan<br>- Nama ensembel<br>- Genre muzik<br><br>**Stesyen B :**<br>- Sejarah latar belakang<br>- Fungsi ensembel<br><br>**Stesyen C :**<br>- Alat-alat muzik<br>- Pengklasifikasian alat berdasarkan Sach-Hombostel | |
| 3. Murid dalam setiap kumpulan akan:<br><br>i. merancang bagaimana melaksanakan tugasan yang diberi.<br>ii. merumuskan hasil kajian mereka<br>iii. membentangkan dapatan tugasan mereka<br><br>**Catatan:**<br><br>Untuk mendapatkan maklumat, setiap kumpulan perlu bergerak dari stesen ke stesen. Murid boleh memulakan pencarian maklumat dari mana-mana stesyen A, B atau C.<br><br>4. Setiap kumpulan membentangkan hasil kajian kumpulan mereka.<br>5. Guru dan murid berbincang tentang hasil dapatan kajian setiap kumpulan. | **Elemen Perpaduan**<br><br>**Menerima kepelbagaian:**<br>• menghormati<br>• bersikap terbuka<br>• toleransi<br><br>**Mengurus kepelbagaian:**<br><br>• rasional |

Lampiran A

Nama Kumpulan : ______________________________

Ketua Kumpulan : ______________________________

Nama Ahli Kumpulan : ______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________



1. Apakah nama ensembel ini.

______________________________

2. Apakah genre muzik ensembel ini.

______________________________

3. Jelaskan secara ringkas, bagaimanakah cara persembahan ensembel ini.

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

4. Jelaskan secara ringkas ensembel ini dari aspek berikut:
   a. latar belakang
   b. fungsi muzik

5. Senaraikan alat-alat muzik yang digunakan dalam ensembel kajian anda.

| Alat Muzik | Klasifikasi |
|---|---|
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |

6. Nyatakan maksud klasifikasi berikut:

| Klasifikasi | Maksud | Contoh Alat Muzik |
|---|---|---|
| a) Membranofon | | |
| b) Idiofon | | |
| c) Erofon | | |
| d) Kordofon | | |

**Soalan untuk dibincangkan di dalam kumpulan.**

1. Nyatakan identiti utama ensembel muzik kajian anda dengan mengaitkannya dalam konteks budaya dan masyarakat.
2. Benarkah muzik tradisional kurang digemari oleh generasi muda kini? Jelaskan jawapan anda secara ringkas.

## PENDIDIKAN MORAL

| | |
|---|---|
| **Mata Pelajaran:** | **Pendidikan Moral** |
| **Bidang/Tajuk/Kemahiran:** | **Hubungan antara diri, komuniti dan masyarakat** |
| **Nilai:** | **Hemah tinggi** |
| **Standard Kandungan:** | **3.5 Remaja berhemah** |
| **Standard Pembelajaran:** | **3.5.5 Mengamalkan perlakuan remaja berhemah dalam masyarakat.** |

| **Cadangan Aktiviti** | **Elemen Kelestarian Global** |
|---|---|
| 1. Guru bersoal-jawab dengan murid tentang ciri-ciri yang perlu ada pada seorang pengawas.<br><br>Contoh:<br>i. berkelakuan sopan<br>ii. menjadi teladan<br>iii. tegas dan berani<br>iv. bertindak secara rasional<br>v. bertindak tanpa mengira kaum<br>vi. boleh menerima teguran | **Elemen Perpaduan**<br><br>Menerima Kepelbagaian<br><br>• toleransi<br>• bersikap terbuka |
| 2. Murid menyenaraikan ciri-ciri remaja berhemah menggunakan peta bulatan. Seterunya membuat pembentangan di hadapan kelas.<br><br>3. Murid menonton klip video berkaitan remaja pelbagai kaum yang mengharumkan nama sekolah atau negara.<br><br>4. Murid secara kumpulan menghasilkan peta pelbagai alir untuk menghubungkaitkan remaja berhemah dengan imej negara. | **Elemen Kewarganegaraan Global**<br><br>Isu-Isu dan Hubungannya dengan Masyarakat Global<br><br>• kepercayaan dan nilai |
| 5. Murid melakonkan situasi yang diberi secara kumpulan (Lampiran 1).<br><br>6. Murid secara kumpulan mencipta cogan kata berkaitan remaja berhemah.<br><br>Contoh: Remaja Terbilang Negara Gemilang<br>Remaja Berhemah Negara Terserlah<br><br>7. Guru merumus pelajaran hari ini dan membuat refleksi. | **Elemen Perpaduan**<br><br>Mengurus Kepelbagaian<br><br>• rasional |

# Lampiran 1

**Situasi 1**

Anda sedang berlatih untuk mewakili acara larian 4x100m peringkat daerah. Salah seorang kawan anda tidak memberikan komitmen yang tinggi apabila berlatih bersama-sama anda. Lakonkan situasi ini.

**Situasi 2**

Anda merupakan pengawas perpustakaan. Seorang rakan anda tidak menyimpan buku yang dibaca di tempat yang sepatutnya. Apakah tindakan anda?

**Situasi 3**

Anda melihat beberapa murid membuang tin minuman dalam longkang pada waktu rehat. Jika perkara sedemikian berlaku di seluruh dunia apakah kesannya kepada iklim dunia? Lakonkan?

**Situasi 4**

Malathi melihat jirannya bernama En.Lee terjatuh di jalan raya akibat dilanggar oleh Puan Siti ketika membelok keretanya di kawasan perumahan. Andaikan anda adalah Malathi. Apakah tindakan yang akan diambil oleh anda dalam keadaan ini? Jika situasi ini berlaku di luar negara, apakah reaksi anda?

# PEMETAAN

## Pemetaan Kelestarian Global Sekolah Rendah Tahun 1 (Pendekatan Langsung)

| Bil | Tajuk/Tema/Konstruk | Bahasa Melayu | Bahasa Inggeris | Bahasa Cina | Bahasa Tamil | Matematik | Pendidikan Islam | Pendidikan Moral | Sains | PJPK | Pendidikan Kesenian |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Penggunaan dan Pengeluaran Secara Lestari | √ | | √ | | | | | | | |
| 2. | Penggunaan Tenaga Lestari | √ | | | | | | | | | |
| 3. | Penggunaan Air Secara Lestari | | | | | | √ | | √ | | |
| 4. | Sisa | | | √ | | | | | | | |
| 5. | Pengeluaran dan Penggunaan Makanan Secara Lestari | | | √ | | | | | | | |
| 6. | Pengangkutan dan Pergerakan Lestari | | | √ | | | | | | | |
| 7. | Bangunan dan kediaman Lestari | | | | | | | | | | |
| 8. | Pelancongan | | | √ | | | | | | | |
| 9 | Sistem dan Kehidupan Bermasyarakat | √ | | √ | | | √ | | | | |
| 10. | Isu Tempatan dan Hubungannya dengan Masyarakat Global | √ | | √ | | | | | | | |
| 11. | Kemajuan Sains dan Teknologi | √ | | √ | | | | | | | |
| 12. | Hidup Beretika | | | √ | | | √ | | | | |
| 13. | Menerima Kepelbagaian | | | √ | | | | | | | |
| 14. | Menghormati Kepelbagaian | √ | | √ | | | | | | | |
| 15 | Mengurus Kepelbagaian | | | √ | | | | | | | |

# Pemetaan Kelestarian Global Sekolah Rendah Tahun 1 (Pendekatan Sisipan)

| Bil | Tajuk/Tema/Konstruk | Bahasa Melayu | Bahasa Inggeris | Bahasa Cina | Bahasa Tamil | Matematik | Pendidikan Islam | Pendidikan Moral | Sains | PJPK | Pendidikan Kesenian |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Penggunaan dan Pengeluaran Secara Lestari | √ | | √ | | | | | | | |
| 2. | Penggunaan Tenaga Lestari | √ | √ | | | | | | | | |
| 3. | Penggunaan Air Secara Lestari | √ | | | | | | | | | |
| 4. | Sisa | √ | | √ | | | | | | | |
| 5. | Pengeluaran dan Penggunaan Makanan Secara Lestari | √ | √ | √ | | | | | | | |
| 6. | Pengangkutan dan Pergerakan Lestari | √ | √ | √ | | | | | | | |
| 7. | Bangunan dan kediaman Lestari | √ | √ | | | | | | | | |
| 8. | Pelancongan | √ | √ | √ | | | | | | | |
| 9 | Sistem dan Kehidupan Bermasyarakat | √ | √ | √ | | | | | | | |
| 10. | Isu Tempatan dan Hubungannya dengan Masyarakat Global | √ | √ | √ | | | | | | | |
| 11. | Kemajuan Sains dan Teknologi | √ | √ | √ | | | | | | | |
| 12. | Hidup Beretika | √ | √ | √ | | | | | | | |
| 13. | Menerima Kepelbagaian | √ | √ | √ | | | √ | | | | |
| 14. | Menghormati Kepelbagaian | √ | √ | √ | | | √ | | | | |
| 15 | Mengurus Kepelbagaian | √ | √ | √ | | | √ | | | | |

# Pemetaan Kelestarian Global Sekolah Menengah Tingkatan 1 (Pendekatan Langsung)

| Bil | Tajuk/Tema/Konstruk | Bahasa Melayu | Bahasa Inggeris | Matematik | Sains | Sejarah | Pendidikan Islam | Pendidikan Moral | PJPK | Geografi | Reka Bentuk dan Teknologi | Pendidikan Seni Visual | Pendidikan Muzik |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Penggunaan dan Pengeluaran Secara Lestari | | √ | | √ | | | | | √ | | | |
| 2. | Penggunaan Tenaga Lestari | | √ | | √ | | | | | | | | |
| 3. | Penggunaan Air Secara Lestari | | √ | | √ | | | | | √ | | | |
| 4. | Sisa | | | | | | | | | √ | | | |
| 5. | Pengeluaran dan Penggunaan Makanan Secara Lestari | | | | | | √ | | | | | | |
| 6. | Pengangkutan dan Pergerakan Lestari | | | | | | | | | | | | |
| 7. | Bangunan dan kediaman Lestari | | | | | | | | | | | | |
| 8. | Pelancongan | | √ | | | | | | | | | | |
| 9 | Sistem dan Kehidupan Bermasyarakat | | √ | | | | | | | | | | |
| 10. | Isu Tempatan dan Hubungannya dengan Masyarakat Global | | | | | | | | | √ | | | |
| 11. | Kemajuan Sains dan Teknologi | | | | | | | | | | | | |
| 12. | Hidup Beretika | | | | | | √ | | | | | | |
| 13. | Menerima Kepelbagaian | | | | | | | | | | | | |
| 14. | Menghormati Kepelbagaian | | | | | | | | | | | | |
| 15 | Mengurus Kepelbagaian | | | | | | √ | | | | | | |

# Pemetaan Kelestarian Global Sekolah Menengah Tingkatan 1 (Pendekatan Sisipan)

| Bil | Tajuk/Tema/Konstruk | Bahasa Melayu | Bahasa Inggeris | Matematik | Sains | Sejarah | Pendidikan Islam | Pendidikan Moral | PJPK | Geografi | Reka Bentuk dan Teknologi | Pendidikan Seni Visual | Pendidikan Muzik |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Penggunaan dan Pengeluaran Secara Lestari | | √ | √ | | | | | | | | | |
| 2. | Penggunaan Tenaga Lestari | | √ | √ | | | | | | | | | |
| 3. | Penggunaan Air Secara Lestari | | √ | √ | | | √ | | | | | | |
| 4. | Sisa | | | √ | | | √ | | | | | | |
| 5. | Pengeluaran dan Penggunaan Makanan Secara Lestari | | | √ | | | | | | | | | |
| 6. | Pengangkutan dan Pergerakan Lestari | | | √ | | | | | | | | | |
| 7. | Bangunan dan kediaman Lestari | | | √ | | | | | | | | | |
| 8. | Pelancongan | | √ | √ | | | | | | | | | |
| 9 | Sistem dan Kehidupan Bermasyarakat | | √ | √ | | | √ | | | | | | |
| 10. | Isu Tempatan dan Hubungannya dengan Masyarakat Global | | | √ | | | √ | | | | | | |
| 11. | Kemajuan Sains dan Teknologi | | | √ | | | | | | | | | |
| 12. | Hidup Beretika | | | √ | | | | | | | | | |
| 13. | Menerima Kepelbagaian | | | √ | | | √ | | | | | | |
| 14. | Menghormati Kepelbagaian | | | √ | | | | | | | | | |
| 15 | Mengurus Kepelbagaian | | | √ | | | | | | | | | |

# RUJUKAN


Kamus Dewan, 2013. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka

Laporan Kajian Tinjauan Untuk Memperkukuhkan Perpaduan dalam Kalangan Guru dan Murid Sekolah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), KPM 2014

Muat turun daripada http://www.un-documents.net/our-common-future.pdf

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

Unit Perancang Ekonomi,. 2015. *Sustainable Consumption and Production Malaysia: Connecting The Dots For A Better Tomorrow*. Jabatan Perdana Menteri.

United Nations Educational, Scietific and Cultural Organizations, 2015. Global Citizenship Education: Paris

# PANEL PENYUMBANG

| | | |
|---|---|---|
| **Penasihat** | : | Dr. Sariah binti Abd Jalil<br>Pengarah BPK |
| **Pengerusi** | : | Datin Dr. Ng Soo Boon<br>Timbalan Pengarah (STEM) |
| **Penyelaras** | : | Dr. A'Azmi bin Shahri<br>Ketua Sektor Dasar dan Penyelidikan |
| **Ketua Editor** | : | Baharin bin Yahaya<br>Sektor Dasar dan Penyelidikan |
| **Editor** | : | Hairulnizam bin Abd Rahman<br>Sektor Dasar dan Penyelidikan<br>Dr. Khasry bin Ab.Rani<br>Sektor Sains Sosial<br>Mohd Kamal bin Hj. Abdullah<br>Sektor Sains Sosial |
| **Susun Atur & Grafik** | : | Mior Syazril Mohamed Sapawi<br>Sektor Pendidikan Islam |

## AHLI PANEL

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Mazlan bin Ismail | Sektor Bahasa & Kesusasteraan |
| 2 | Noraziah Ahmad binti Ghazali | Sektor Bahasa & Kesusasteraan |
| 3 | Yatimah binti Muji | Sektor Bahasa & Kesusasteraan |
| 4 | Anom Sham binti Che Din | Sektor Bahasa & Kesusasteraan |
| 5 | Siti Ruzita binti Yahya | Sektor Sains & Matematik |
| 6 | Aizatul Adzwa binti Mohd Basri | Sektor Sains & Matematik |
| 7 | Kumaresan a/l M. Subramaniam | Sektor Sains & Matematik |
| 8 | Azmi bin Harun | Sektor Sains & Matematik |
| 9 | Mazlan bin Awi | Sektor Sains & Matematik |
| 10 | Norfadhillah binti Yusoff | Sektor Sains & Matematik |
| 11 | Nor Azza binti Ibrahim | Sektor Pendidikan Islam |
| 12 | Arni Suharti binti Mohamed Yasin | Sektor Pendidikan Islam |
| 13 | Mohd Shafiee bin Abd Ghani | Sektor Sains Sosial |
| 14 | Umi Salmah binti A. Manaf | Sektor Sains Sosial |
| 15 | Roslan bin Yaakub | Sektor Sains Sosial |
| 16 | Norhaziruldin bin Ibrahim | Sektor Sains Sosial |
| 17 | Magesvaran a/l Supermaniam | Sektor Sains Sosial |
| 18 | Muhd Nizam bin Mohd Yusof | Sektor Kesenian dan Kesihatan |
| 19 | Tan Huei Ning | Sektor Kesenian dan Kesihatan |

| | | |
|---|---|---|
| 20 | Muhammad Nasir bin Darman | Sektor Kesenian dan Kesihatan |
| 21 | Kamariah binti Mohd Yassin | Sektor Kesenian dan Kesihatan |
| 22 | Faridah binti Ramly | Sektor Kesenian dan Kesihatan |
| 23 | Mohd Irwan bin Miskob | Sektor Kesenian dan Kesihatan |
| 24 | Wan Faizatul Shima binti Ismayatim | Sektor Inovasi & Teknologi |
| 25 | Sharipah Faridah binti Syed Khalid | Sektor Inovasi & Teknologi |
| 26 | Oliza binti Omar | Sektor Pendidikan Khas |

**PANEL KAWAL KUALITI**

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Dr. A'Azmi bin Shahri | Sektor Dasar dan Penyelidikan |
| 2 | Hj. Naza Idris bin Saadon | Sektor Teknik dan Vokasional |
| 3 | Mohd Zaki bin Abd. Ghani | Sektor Pendidikan Islam |
| 4 | Puan Zaidah binti Md. Yusof | Sektor Sains & Matematik |
| 4 | Encik Mohd Faudzan bin Hamzah | Sektor Sains Sosial |
| 5 | Dr. Rusilawati binti Othman | Sektor Pendidikan Khas |
| 6 | Encik Mohd Salim bin Taufix Rashidi | Sektor Kesenian dan Kesihatan |
| 7 | Hjh Norashikin binti Hashim | Sektor Prasekolah |



**Bahagian Pembangunan Kurikulum**
**Kementerian Pendidikan Malaysia**
Aras 4-8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
Tel.: 03-88842000 Faks: 03-8888 9917
Website: http://www.moe.gov.my/bpk